

٧ - باب مَا يُذَكِّرُ فِي الْمُنَاوَلَةِ وَكِتَابِ أَهْلِ الْعِلْمِ بِالْعِلْمِ إِلَى الْبُلْدَانِ

وَقَالَ أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ نَسَخَ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانٍ الْمَصَاحِفَ فَبَعَثَ بِهَا إِلَى الْآفَاقِ وَرَأَى عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ وَيَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ وَمَالِكُ بْنُ أَنَسٍ ذَلِكَ جَائِزًا وَاحْتَجَّ بَعْضُ أَهْلِ الْحِجَازِ فِي الْمُنَاوَلَةِ بِحَدِيثِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيْثُ كَتَبَ لِأَمِيرِ السَّرِيَّةِ كِتَابًا وَقَالَ لَا تَقْرَأْهُ حَتَّى تَبْلُغَ مَكَانَ كَذَا وَكَذَا فَلَمَّا بَلَغَ ذَلِكَ الْمَكَانَ قَرَأَهُ عَلَى النَّاسِ وَأَخْبَرَهُمْ بِأَمْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Bab (7): Apa Yang Disebut Tentang Munawalah⁸⁵ Dan Kiriman Surat Yang Mengandungi Ilmu Oleh Ahli Ilmu Ke Pelbagai Negeri.⁸⁶

⁸⁵ Sebelum ini Imam Bukhari telah membuat bab tentang membaca dan mengemukakan hadits di hadapan guru, sebelum itu lagi ialah bab guru yang membaca dan periwayatan menggunakan istilah *haddatsana* dan sebagainya. Sekarang Imam Bukhari ingin mengemukakan pula cara *munawalah*, iaitu guru memberikan kitab yang ditulisnya kepada murid, kitab itu mengandungi sanad gurunya, murid tersebut tidak membacanya pun di hadapan guru, kalau guru itu menyebutkan: "Saya benarkan kamu riwayatkan apa yang ada di dalam kitab ini dengan sanad saya", maka murid tadi boleh meriwayatkannya dan periwayatan sebeginitulah dipanggil periwayatan secara *munawalah*. Boleh juga kitab itu disalin daripada murid yang lain kemudian dikemukakan di hadapan guru yang menulisnya dan gurunya itu membenarkannya untuk meriwayatkannya. Mengikut istilahnya, *munawalah* terbahagi kepada dua: (1) *مناولة مقرونة بالإجازة* Munawalah yang disertai kebenaran daripada guru, mengikut Imam Bukhari, Ayyub as-Sakhtiyani dan lain-lain cara ini membenarkan periwayatan secara *haddatsana* dan *akhbarana* seolah-olahnya guru itu sendiri yang membacanya atau dibacakan di hadapan guru. Ini kerana guru itu tentunya sudah mengambil tahu tentang muridnya yang ingin mengambil ijazah dan sanad daripadanya. (2) *مناولة غير مقرونة بالإجازة* Munawalah yang tidak disertai kebenaran guru. Terdapat khilaf 'ulama' tentangnya, ada yang berpendapat tidak boleh digunakan istilah *haddatsana* atau *akhbarana* tetapi sebaliknya perlu digunakan kepada saya' atau 'meriwayatkan kepada saya secara *munawalah*', dengan istilah ini akan difahami bahawa murid itu tidak membaca di hadapan gurunya, tidak juga gurunya membaca di hadapannya. Kelayakan penerima tadi perlu diperhatikan juga, sekiranya dia seorang yang berkelayakan, maka boleh diterima periwayatannya, sekiranya dia bukan orang yang mempunyai kelayakan, maka ia seharusnya ditolak. Sesetengah 'ulama' mengatakan bahawa riwayat *munawalah* atau *mukatabah* mestilah disebut dengan lafaz *anba'ana*, ada juga yang mengatakan mesti disertakan

lafaz yang memberi ma'na *mukatabah* atau *munawalah* tetapi Imam Bukhari tidak mensyaratkannya. Cuma bila begitu, akan timbul kemusykilan pula tentang riwayat-riwayat *haddatsana* dan *akhbarana* di dalam Shahih Bukhari kerana tidak ada apa-apa tanda, adakah ia betul-betul riwayat *taḥdīts* atau *munawalah*? Jawapannya ialah riwayat-riwayat yang ada di dalam Shahih Bukhari ini tidak dimasukkan oleh Imam Bukhari jika hanya diterima beliau melalui cara *munawalah* atau *mukatabah* sahaja, bahkan Imam Bukhari mensyaratkan adanya *tsubut liqa'* (terbukti telah bertemu) selain adanya *mu'asharah* (sezaman) antara murid dan guru. Imam Bukhari juga memilih perawi yang telah lama bersama gurunya, yang kuat ingatannya dan menjadi harapan kepada gurunya. Jadi pendapat yang disebutkan oleh Imam Bukhari tadi adalah untuk umum dan tidak terpakai kepada Shahih Bukharinya ini.

Imam Abu Hanifah menolak periwayatan secara *munawalah* kerana baginya ia sama dengan surat yang dibacakan di hadapan Qadhi yang memerlukan saksi. Maka periwayatan secara *munawalah* ini juga memerlukan kepada dua orang saksi yang mengakui bahawa seseorang murid itu telah menerima tulisan gurunya sama seperti dalam masalah surat yang dibacakan di mahkamah. Imam Bukhari menerima periwayatan *munawalah* dengan jawapan bahawa surat di hadapan Qadhi itu ialah dalam bab Syahadah (kesaksian) dan ia tidak sama dengan bab *Ikhbar* dan *I'lan Hadits* (penyampaian hadits), ini kerana ia lebih longgar dan tidak diketatkan dengan syarat-syarat seperti dalam bab Syahadah (kesaksian). Kerana itu juga tidak ada beza antara periwayatan lelaki atau perempuan, berbeza dengan kanun kesaksian, di mana seorang lelaki menyamai dua orang perempuan. Begitu juga umur perawi tidak terhad seperti umur saksi mahkamah.

Satu istilah lain yang hampir dengan *munawalah* ialah *وَجَادَة* (*wijadah*) iaitu seseorang murid menemui kitab gurunya yang tidak diberikan kebenaran oleh gurunya secara khusus. 'Ulama' berbeza pendapat juga tentang cara ini, periwayatan *wijadah* yang boleh diterima ialah sekiranya kitab gurunya itu dikenal pasti sebagai tulisan gurunya sendiri, juga sudah ditashihkan dan muridnya pula seorang yang berkelayakan.

⁸⁶ Selain daripada periwayatan secara *munawalah*, Imam Bukhari juga mengemukakan satu lagi cara yang juga boleh diterima, ia dipanggil *mukatabah* atau surat yang ditulis oleh ahli ilmu kepada ahli ilmu lain di serata negeri. Secara tidak langsung mengisytiharkan kepada kepelbagaian cara untuk memperolehi ilmu, terutama di zaman kita sekarang ini, dengan mesej digital, televisyen, cakera padat, kaset, rakaman suara, rakaman video, dan sebagainya. Periwayatan dengan cara-cara begini dibenarkan, dengan syarat dapat dipastikan kesahihannya dan sumbernya adalah daripada tuan asal dan tidak ada apa-apa tokok tambah dan pengubahan dari pihak ketiga.

Penyalinan isi dan juga percetakan tanpa apa-apa pengubahan yang dilakukan oleh orang yang ingin mengambil keuntungan dibenarkan dengan izin pengarang asal, kerana ada saja pengarang yang tidak mengambil berat tentang keuntungan dan hanya ingin menyebarkan ilmu ke serata tempat. Pengawalan dan izin ini termasuk di bawah kategori undang-undang hak cipta yang diterima Islam untuk menjaga hak pengarang,

Anas Berkata: " `Utsman Telah Menyalin Beberapa Mushaf Lalu Dihantarnya Mushaf-Mushaf Itu Ke Beberapa Pelusuk Negeri."<sup>87</sup> `Abdullah Bin `Umar, Yahya Bin Sa`id Dan Malik Berpendapat Cara Itu Harus.⁸⁸ Sebahagian Ahli Hijaz⁸⁹

kesahihan dan keaslian hasilnya supaya ia terjaga daripada tokok tambah orang yang tidak bertanggungjawab.

Surat yang disertai dengan izin untuk meriwayatkan kandungannya itu sah untuk digunakan, surat yang hanya mengandungi riwayat hadits sahaja terdapat beberapa pendapat `ulama` tentangnya, secara umumnya ia sah tetapi periwayatannya mestilah disebutkan secara mukatabah seperti كَاتَبَنِي atau حَتَّنِي كِتَابَةً yang bermaksud 'dia telah meriwayatkan kepadaku secara mukatabah, atau secara murasalah (dengan mengutus surat) seperti أَجَازَنِي مِرَاسَلَةً yang bermaksud 'dia telah mengizinkan kepada saya secara murasalah'.

⁸⁷ Imam Bukhari membawakan bukti untuk *munawalah*; salinan al-Qur'an oleh Sayyidina `Utsman yang disahkan dan dijadikan sebagai mushaf rasmi dan dihantarkan ke pelusuk negeri. Jika al-Qur'an sah untuk disampaikan dengan cara itu, hadits yang darjatnya lebih rendah itu tentunya boleh.

⁸⁸ #Imam Bukhari membawa pendapat orang-orang terdahulu untuk membuktikan keabsahan pendapat yang dikemukakannya, cuma terdapat kemusykilan tentang siapakah yang dimaksudkan oleh beliau dengan `Abdullah bin `Umar itu? Adakah dia Ibnu `Umar? `Abdullah bin `Amar bin al-`Aash atau `Abdullah bin `Umar yang lain? Berikut adalah beberapa jawapan bagi merungkai kemusykilan ini: (1) Yang dimaksudkan ialah `Abdullah bin `Umar bin `Aashim bin `Umar atau dikenali sebagai `Abdullah bin `Umar al-`Umariy, cicit Sayyidina `Umar r.a. Demikianlah kata al-Kirmāni. Buktinya ialah Imam Bukhari meletakkan dia bersama-sama Yahya bin Sa`id dan Imam Malik yang kedua-duanya bukan sahabat tetapi orang `alim di peringkat kemudian. Imam Tirmizi dan Anwar Syah al-Kasymiri mengatakan dia sebagai seorang perawi yang hasan, maka timbul pula persoalan mengapakah Imam Bukhari menyebutkan perawi hasan terlebih dahulu berbanding Yahya bin Sa`id dan Imam Malik yang merupakan perawi shahih? (2) Kerana persoalan itulah Hafiz Ibnu Hajar mengatakan bahawa `Abdullah bin `Umar yang dimaksudkan di sini ialah anak Sayyidina `Umar r.a. itu sendiri atau `Abdullah bin `Amar bin al-`Aash kerana cicitnya (`Abdullah bin `Umar al-`Umariy) itu lebih rendah darjatnya berbanding Yahya bin Sa`id dan Imam Malik. Hakim di dalam kitab wasiat ada menyebutkan bahawa `Abdullah bin `Umar ada melakukan *munawalah* kepada salah seorang anak muridnya beberapa hadits. (3) Biras Hafiz Ibnu Hajar, Hafiz al-`Aini berpendapat, `Abdullah bin `Umar yang dimaksudkan di sini bukanlah Ibnu `Umar, tetapi ia adalah `Abdullah cicit Sayyidina `Umar. Alasan beliau ialah Imam Bukhari ada mengambil riwayatnya berkenaan hadits Dzul Yadain. Beliau juga mengatakan bahawa andaian `Abdullah bin `Amar tidak tepat kerana tidak ada mana-mana nuskah yang ditulis dengan ada *wau fariqah* (untuk dibaca sebagai عمرو `Amar), semuanya ditulis tanpa wau. Bagaimanapun al-`Aini juga tidak dapat menemukan riwayat yang menyebutkan

Berhujah Untuk Keharusan Munawalah Dengan Hadits Nabi S.A.W. Di Mana Baginda S.A.W. Menulis Untuk Ketua Pasukan Tentera⁹⁰ Sepucuk Surat Dan Beliau Berkata: "Jangan Kau Baca Surat Itu Sebelum Sampai Ke Tempat Sekian-Sekian."⁹¹ Apabila Ketua Pasukan Itu Sampai Ke Tempat Berkenaan, Dia Pun Membaca Surat Itu Di Hadapan Shahabat-Shahabatnya Dan Memberi Tahu Kepada Mereka Tentang Perintah Nabi S.A.W.⁹²

٦٤ - حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ صَالِحٍ عَنِ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُتْبَةَ بْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ بِكِتَابِهِ رَجُلًا وَأَمَرَهُ أَنْ يَدْفَعَهُ إِلَى عَظِيمِ الْبَحْرَيْنِ فَدَفَعَهُ عَظِيمُ الْبَحْرَيْنِ إِلَى كِسْرَى فَلَمَّا قَرَأَهُ مَرَّقَهُ فَحَسِبْتُ أَنَّ ابْنَ الْمُسَيَّبِ قَالَ فَدَعَا عَلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَمَرَّقُوا كُلُّ مَمَرَّقٍ

bahawa Ibnu `Umar berpendapat riwayat *munawalah* adalah harus (boleh diterima) sebagaimana kenyataan Imam Bukhari.

Kemusykilan ini semakin memuncak apabila perawi yang meriwayatkan daripada `Abdullah itu adalah `Abdur Rahman al-Ĥubuli yang hanya menyebut “`Abdullah” sahaja sedangkan dia berguru dengan kedua-dua `Abdullah bin `Amar dan `Abdullah bin `Umar. Al-`Aini akhirnya mengatakan bahawa menurut para `ulama’ apabila disebutkan `Abdullah sahaja dari kalangan sahabat, maka biasanya ia difahami sebagai `Abdullah Ibnu Mas`ud. Cuma yang menjadi masalahnya ialah beliau bukan guru kepada `Abdur Rahman al-Ĥubuli.

⁸⁹ Seperti al-Humaidi, guru Imam Bukhari, Imam Malik dan lain-lain. Istilah Ahli al-Kufah atau `ulama’ Kufiyyin pula digunakan untuk Imam Abu Hanifah, Sufyan ats-Tsauri dan lain-lain.

⁹⁰ Beliau ialah `Abdullah bin Jahsy, beliau telah menjadi ketua pasukan pengintip yang terdiri daripada 12 orang untuk melaksanakan satu misi intipan tentang keadaan orang-orang kafir, peristiwa ini berlaku sebelum perang Badar pada tahun ke-2 Hijrah.

⁹¹ Kerana isi kandungan surat itu adalah rahsia yang mungkin kalau dibaca di tempat awam, akan diketahui oleh orang-orang munafiq yang akan membocorkannya kepada orang-orang kafir. Peperangan memerlukan perancangan yang rapi dan penjagaan maklumat yang ketat kerana sedikit kesilapan boleh membawa kepada kematian dan kehilangan nyawa, Nabi s.a.w. memahami perkara ini dan menggunakan surat sebagai salah satu cara yang lebih bercermat.

⁹² Lantikan seorang ketua pasukan yang dijadikan utusan oleh Nabi s.a.w. itulah bukti dia seorang yang boleh diamanahkan dan juga berkecualan untuk menyampaikan hadits Nabi kepada orang lain, izin Baginda untuk dibacakan surat itu juga menjadi bukti sahnya *munawalah*.

64 - Isma'il Bin `Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya, Ibrahim Bin Sa'ad meriwayatkan kepada kami daripada Shāleḥ daripada Ibnī Syihāb daripada `Ubaidillah Bin `Abdillah Bin `Utbah Bin Mas'ūd, bahawa `Abdullah Bin `Abbās memberitahunya, bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan seseorang⁹³ untuk membawa surat Beliau. Beliau s.a.w. mengarahkannya supaya memberikan surat itu kepada pembesar Bahrain⁹⁴ agar disampaikan kepada Kisra.⁹⁵ Apabila Kisra membacanya, dikoyak-

⁹³ Sahabat yang diutuskan oleh Rasulullah s.a.w. ini bernama `Abdullah bin Ḥudzāfah as-Sahmi. Surat yang dikirimkan Rasulullah s.a.w. kepada Kisra itu adalah dalil kepada periwayatan cara *mukatabah*, kerana Baginda tidak secara langsung memberitahu kandungannya kepada Kisra, manakala pemberian surat itu kepada `Abdullah bin Hudzafah pula merupakan dalil periwayatan secara *munawalah*, kerana kandungan surat yang diberikan itu diketahui juga oleh `Abdullah, kemudian ia diberitahu pula kepada orang-orang lain.

Begitulah cara Imam Bukhari memahami sesuatu kaedah hadits daripada sumber hadits, beliau tidak mengada-adakannya secara sembarono. Demikian juga dengan para `ulama' hadits yang membuat istilah-istilah hadits, mereka mempunyai asas yang boleh dirujuk. Kalau agama boleh disampaikan dengan dua cara ini, maka ilmu-ilmu lebih-lebih lagi boleh.

⁹⁴ Pembesar Bahrain pada ketika itu bernama Mundzir bin Sāwa. Pada ketika itu Bahrain berada di bawah kerajaan Farsi. Wilayah kerajaan Farsi pula sangat luas, dari Punjab, Pakistan, sebahagian India sehinggalah ke Mesir. Pemerintahannya telah pun berjalan beribu tahun sebelum peristiwa ini berlaku. Kisra adalah maharaja kepada semua yang berada di bawah taklukannya, pembesar Bahrain yang dimaksudkan di sini ibarat pangkat Yang Di-Pertua Negeri bagi kerajaan Malaysia.

⁹⁵ Dan juga kepada Hiraqlu serta pembesar-pembesar yang lain. Nama Kisra pada ketika itu ialah Khusru Parvez, cucu kepada Anushirwan al-`Adil. Anushirwan mengikut sejarah Farsi adalah seorang raja yang paling adil dan menjadi contoh kepada sekalian raja.

Cara Nabi s.a.w. mendakwah penguasa-penguasa semasa dengan cara mengirim surat begini dipanggil *mukatabah*. Baginda mula-mula berdakwah melalui surat menyurat. Menerusnya Nabi s.a.w. menyeru mereka kepada Islam. Semua ini terjadi setelah berlakunya perjanjian damai di Hudaibiyah. *Mukatabah* dianggap sah oleh Baginda dan boleh diterima, sehingga kalaulah penyampaian agama itu mesti dilakukan secara berhadapan, tentulah Nabi s.a.w. akan pergi sendiri kepada mereka supaya tidak dikira meninggalkan perintah Allah s.w.t. ini:

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ

Bermaksud: Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan

semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia. (al-Ma'idah:67).

Allah menjamin untuk menjaga Rasulullah s.a.w. daripada apa-apa gangguan musuh ketika berdakwah, tetapi mengapa Baginda s.a.w. tidak berdakwah secara berhadapan juga? Tentulah kerana penyampaian agama itu tidak terhad dengan percakapan secara langsung sahaja. Selain dari itu, kemampuan sebagai seorang manusia sangatlah terhad untuk pergi ke semua tempat semata-mata untuk memberitahu perkara yang boleh diberitahu utusan-utusan yang diamanahkan. Memahami akan perkara itulah Rasulullah s.a.w. lebih menumpukan pengajarannya kepada para sahabat yang ada bersamanya dan tidak sentiasa keluar ke sana sini untuk berdakwah, sahabat-sahabatnya itulah yang kemudiannya keluar berdakwah seperti yang dapat disaksikan dalam sejarah.

Pengesahan dan pengiktirafan daripada penulis asal tentunya diperlukan, seperti cop rasmi, tandatangan dan sebagainya. Dalam hadits selepas ini, sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. memberitahu Baginda bahawa pembesar-pembesar tidak melayani surat-surat yang tidak rasmi, maka Baginda mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk menjadikan suratnya mencukupi syarat sehingga ia sampai ke tangan pembesar, antaranya ialah cincin yang diukir Muhammad Rasulullah dengan kalimah “Allah” berada di atas dan “Rasul” di tengah. Gambaran yang lebih jelas dapat diperhatikan di dalam buku Dr. Hamidullah yang berjudul الوثائق السياسية. Ia digunakan sebagai cop rasmi oleh Rasulullah s.a.w. semasa hayatnya dan digunakan oleh khalifah-khalifah selepasnya sebagai tanda rasmi penguasa kerajaan Islam semasa.

Mungkin timbul persoalan adakah Nabi terdahulu seperti Nabi Sulaiman a.s. menulis surat kepada Raja Balqis juga dengan menggunakan apa-apa cop rasmi? Jawapannya ialah boleh jadi ada dan boleh jadi juga tiada, ia mengikut tradisi dan protokol semasa, Al-Qur'an hanya menyebutkan begini sahaja tentang kandungan surat Nabi Sulaiman a.s.:

إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣٠﴾ أَلَّا تَعْلَمُوا عَلَيَّ وَأُتُونِي مُسْلِمِينَ ﴿٣١﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya surat ini dari (Nabi) Sulaiman, dan kandungannya (seperti berikut): “Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.(30). Bahawa janganlah kamu meninggikan diri terhadapku, dan datanglah kamu kepadaku dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran agama Allah).” (31). (an-Naml:30-31).

Ayat ini memberi faham bahawa cop rasmi bukanlah suatu yang mesti dan wajib, asalkan isi surat diyakini datang dari penulisnya yang sebenar sahaja maka sudah boleh diterima.

Penulisan surat begini merupakan periwayatan secara *mukatabah* yang hendak dibuktikan oleh Imam Bukhari, kerana jika berdakwah dengan cara surat menyurat dibenarkan, maka tentunya periwayatan hadits juga tiada masalah dengannya. Tetapi ia mestilah disertai pengesahan dan keyakinan bahawa penulis asal memanglah orang yang betul dan tidak ditulis oleh orang lain. Kekeliruan yang timbul apabila tidak

koyaknya surat itu.⁹⁶ Saya rasa (perawi) Ibnu al-Musayyab berkata: Maka Rasulullah s.a.w. mendoakan keburukan terhadap mereka, agar mereka juga dikoyak-rabakkan.⁹⁷

terdapat pengesahan yang rasmi akan membuatkan periwayatan secara *mukatabah* tidak diterima. Contohnya ialah wujudnya tulisan tentang sesuatu perkara yang tidak pernah ditulis semasa hidupnya atau ditemui tulisan yang mengandungi pendapat yang bercanggah dengan pendapat penulis itu sendiri.

Tulisan seseorang juga boleh ditiru oleh orang lain, seperti disebut dalam kitab fiqh: الخط يشبه الخط (Satu tulisan boleh menyerupai tulisan yang lain). Kerana itu sesetengah 'ulama' tidak memakai cara periwayatan *mukatabah*. Imam Bukhari mahu menolak pendapat itu dengan hanya mensyaratkan tulisan itu mestilah disertai pengesahan yang meyakinkan. *Mukatabah* yang tidak diterima dalam masalah fiqh itu ialah yang berkaitan dengan perbicaraan mahkamah, surat-surat yang digunakan dalam urusan mahkamah mestilah mendapat pengesahan rasmi daripada penulis, ketiadaannya akan menyebabkan surat-surat tersebut ditolak dan tidak terpakai kerana tulisan semata-mata memang boleh ditiru apa lagi di zaman kita sekarang ini. Adapun dalam periwayatan hadits, tidak menjadi masalah pun kalau diriwayatkan secara *mukatabah*. Apa yang perlu hanyalah ia meyakinkan.

Oleh kerana adanya kemungkinan-kemungkinan tadi, para 'ulama' hadits sangat teliti dalam menapis riwayat *mukatabah* dari penipuan, peniruan dan pemalsuan yang dibuat oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Hakikat ini dapat diperhatikan di dalam kitab-kitab Jarh dan Ta'dil.

Cara periwayatan manakah yang lebih kuat dan lebih baik antara *munawalah* dan *mukatabah*? Mengikut sesetengah 'ulama' *munawalah* lebih *rājih* kerana guru memberikan tulisannya kepada murid secara berhadapan. Tetapi sesetengah 'ulama' mengatakan, dalam sesetengah keadaan *mukatabah* lebih *rājih* berbanding *munawalah*. Sebabnya ialah guru telah menulis surat khusus untuk seorang murid, walaupun keberadaannya jauh dari muridnya, tetapi suratnya lebih tertumpu kepada satu orang dengan pengesahan rasmi yang meyakinkan, ia menambahkan lagi keistimewaan muridnya itu. Yang diambil kira ialah keyakinan yang diperolehi.

⁹⁶ Bukan kerana tidak terdapat cop rasmi yang meyakinkan pada surat itu, tetapi kerana Nabi s.a.w. menggunakan cara penulisan orang 'Arab semasa, di mana disebutkan nama pengirim terlebih dahulu, ia ditulis seperti berikut: مِنْ مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللَّهِ إِلَى عَظِيمٍ فَارَسِي yang bermaksud: Daripada Muhammad Rasulullah kepada pembesar Farsi. Kisra (Maharaja Farsi) tidak suka namanya disebut kemudian dan diberikan panggilan عظيم 'pembesar' sahaja, kerana panggilan itu tidak cukup hebat dan tidak memadai untuk pangkatnya yang lebih mulia dari itu. Adat dan tradisi memuji serta memuliakan penguasa setempat tidak semestinya diketahui semua orang. Tindakan Kisra yang menjadi emosional disebabkan panggilan namanya yang tidak sesuai pada pandangannya itu menunjukkan sifatnya yang angkuh. Setelah dikoyaknya surat Nabi s.a.w., dihantarnya pula seorang gabenor bernama Baadzan bersama dua orang

pahlawan ke tanah `Arab untuk mencari penulis surat tersebut dan menanyakan apa yang dikehendaknya. Mengikut riwayat yang lain dinyatakan bahawa Kisra memerintahkan supaya gabenornya memberitahu penulis surat supaya jangan bertindak kurang ajar sekiranya tidak ingin ditimpa malapetaka, sekiranya dia tetap berkeras, bunuhlah dia dan penggal kepalanya kemudian bawakannya kepadaku. Setelah itu, Baadzan menulis surat kepada Rasulullah s.a.w. melalui dua orang pahlawannya dan Baginda menjawabnya dengan bersabda: **إِنَّ اللَّهَ قَدْ وَعَدَنِي أَنْ يَقْتُلَ كِسْرَى** Bermaksud: “Allah s.w.t. telah menjanjikan kepadaku bahawa aku akan menyelesaikan urusan Kisra ini pada hari sekian-sekian, pada masa sekian-sekian”. Surat itu disimpan Baadzan dan beliau memerhati adakah benar apa yang diceritakan oleh orang yang mendakwa sebagai Nabi ini? Selepas mendapati benar apa yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. itu. Baadzan menghantar surat kepada Rasulullah s.a.w. memberitahu bahawa dia dan orang-orang yang bersamanya telah memeluk agama Islam.

⁹⁷ Pada masa itu juga Rasulullah s.a.w. bersabda: **إِذَا هَلَكَ كِسْرَى فَلَا كِسْرَى بَعْدَهُ** Bermaksud: Bila sudah binasa Kisra ini, tiada lagi Kisra (yang lain) selepasnya.

Anak kepada Kisra Khursu Parvez dalam hadits ini bernama Syirwaih, seorang majusi yang bebas pergaulan, tergila-gila kepada isteri ayahnya (ibu tirinya) yang bernama Syirin. Syirwaih lalu merancang untuk membunuh ayahnya untuk mengahwini ibu tirinya, tetapi ayahnya sudah mengetahui tentang perancangannya, kerana dia mengetahui sifat kaki perempuan anaknya itu. Kerana itu Kisra meletakkan label ubat penguat tenaga batin pada racun yang disimpannya. Setelah Kisra meninggal dunia, racun itu diminum oleh anaknya yang menganggap ia adalah ubat penguat tenaga batin, terus ia meninggal dunia kerananya. Dgn itu tiada lagi Kisra selepasnya, seperti yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. Setelah peristiwa itu, Kerajaan Farsi jatuh ke tangan anak perempuan Kisra, dan bermula dari situ berlakulah pemberontakan, kekacauan, ketidakstabilan dan keruntuhan sebuah empayar, tepat seperti apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits yang lain: **لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمَرَهُمْ امْرَأَةٌ** yang bermaksud: “Tidak akan berjaya kaum yang melantik perempuan untuk mentadbir urusan negaranya”. Para `ulama' bersepakat mengatakan hadits ini disabdakan secara khusus sehubungan dengan anak perempuan Kisra yang telah diberikan kuasa mengurus Kerajaan Farsi. Raja yang terakhir setelah kekacauan berlaku bernama Yazdagerd. Anak-anak keturunan raja yang berbaki juga berselerak melarikan diri ke merata tempat. Yazdagerd sendiri cuba mencari perlindungan di negari lain dengan membawa harta kekayaannya, tetapi penduduk Farsi melarangnya dari memerintah Farsi sambil berada di bawah kekuasaan negeri lain, lalu mereka merampas semua harta kekayaannya. Kemudian Yazdagerd dihalau oleh tentera Islam dan terpaksa merantau, akhirnya Farsi ditakluk oleh tentera Islam. Di zaman Sayyidina `Utsman, dia terpaksa bersembunyi dan menyamar menjadi pengemis untuk mengelak dari diburu tetapi ia dikenali juga dan akhirnya ia dibunuh. Itulah nasib maharaja Farsi yang pernah disabdakan dahulu oleh Rasulullah s.a.w.

Kerajaan Rom bertahan lebih lama kerana surat yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. itu dicium dan dianggap sebagai keberkatan kepada kerajaannya, ia disimpan

٦٥ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مُقَاتِلٍ أَبُو الْحَسَنِ الْمَرْوَزِيُّ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعْبَةُ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كَتَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كِتَابًا أَوْ أَرَادَ أَنْ يَكْتُبَ فَقِيلَ لَهُ إِنَّهُمْ لَا يَقْرَءُونَ كِتَابًا إِلَّا مَخْتُومًا فَاتَّخَذَ خَاتَمًا مِنْ فِضَّةٍ نَفْسُهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَى بَيَاضِهِ فِي يَدِهِ فَقُلْتُ لِقَتَادَةَ مَنْ قَالَ نَفْسُهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ قَالَ أَنَسٌ

65 - Muhammad Bin Muqātil Abu al-Ḥasan al-Marwazi⁹⁸ meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu`bah meriwayatkan kepada kami daripada Qatādah daripada Anas Bin Mālik, katanya: Nabi s.a.w. menulis surat atau (syak perawi) mahu menulis surat, maka ada sahabat berkata kepadanya bahawa mereka (raja-raja / pembesar-pembesar negeri) tidak membaca surat kecuali yang dicop. Nabi s.a.w. pun menggunakan cincin yang diukir padanya

dan dijaga dengan baik. Disimpan dalam bekas perak, dimasukkan dalam gading gajah, diletakkan dalam peti yang terkunci dengan rapi dengan anggapan selagi surat ini selamat maka kerajaan Rom akan selamat. Apabila tentera Islam ingin menakluk Rom, mereka mengatakan bahawa surat Nabi kamu disimpan dengan baik, Nabi kamu telah berkata sekian-sekian, maka tentera Islam terhenti setakat itu sahaja, tetapi akhirnya Rom jatuh juga ke tangan umat Islam di zaman Mu`awiyah bin Abi Sufyan. Selain itu, terdapat beberapa lagi perbezaan di antara dua empayar tersebut. Antara ialah kerana empayar Farsi berada di bawah pimpinan penyembah berhala dan penyembah api, empayar Rom pula berada di bawah kuasa Ahli al-Kitab. Mereka mempunyai lebih banyak maklumat tentang nabi-nabi dan utusan-utusan Allah. Peristiwa tentang penerimaan baik maharaja Rom terhadap Nabi kita Muhammad s.a.w. telah pun berlalu di bahagian awal Shahih Bukhari dalam Kitab Wahyu. Walaupun begitu, ia tetap tidak memeluk Islam dan mati dalam keadaan tidak Islam. Matinya dalam keadaan tidak Islam itu bukan kerana tidak mengetahui kebenaran tetapi kerana ingin menjaga kedudukan.

Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil dari hadits ini ialah:

(1) Keharusan menulis surat yang mengandungi ilmu untuk dihantar ke negeri-negeri tertentu. (2) Keharusan mendoakan keburukan terhadap orang-orang kafir yang biadab dan menghina agama. (3) Surat kepada mana-mana pemerintah atau pembesar negeri daripada seseorang pemerintah atau pembesar negeri yang lain tidak disyaratkan dua orang membawanya, seorang sahaja pun sudah dikira memadai.

⁹⁸ Beliau ialah guru Imam Bukhari. Daripada enam pengarang kitab-kitab utama hadits hanya Bukhari meriwayatkan hadits daripadanya. Beliau meriwayatkan hadits daripada Ibnu al-Mubārak, Wakī dan lain-lain. Ahmad bin Ḥambal, Abu Zur`ah, Abu Haatim dan Muhammad bin `Abdir Rahman adalah antara orang-orang yang meriwayatkan daripadanya. Kata al-Khathīb, Muhammad bin Muqātil adalah perawi tsiqah. Abu Haatim pula berkata, beliau perawi shadūq. Beliau meninggal dunia di penghujung tahun 226 Hijrah.

‘Muḥammad Rasulullāh’.⁹⁹ Aku semacam nampak lagi putih bersinar cincin itu di tangannya.”¹⁰⁰ Aku (Suyuḥbah) terus bertanya Qatādah: “Siapakah yang berkata, ukiran di cincinnya ‘Muḥammad Rasulullāh’?”. Qatadah menjawab: “Anas”.

٨ - باب مَنْ قَعَدَ حَيْثُ يَنْتَهِي بِهِ الْمَجْلِسُ وَمَنْ رَأَى فُرْجَةً فِي الْحَلَقَةِ فَجَلَسَ فِيهَا

⁹⁹ Satu riwayat yang dinukilkan oleh ad-Daraquthni di dalam kitabnya al-Afrād membayangkan bahawa sahabat yang telah membuat cincin berukir seperti itu ialah Ya‘la bin Umaiyah r.a. Sesetengah ‘ulama’ yakin cincin itu ditempa pada tahun ke-6 Hijrah. Ibnu Saiyyidi an-Nās pula yakin ia ditempa pada tahun ke-7.

¹⁰⁰ Putih bersinar kerana ia cincin perak yang masih baharu, emas pula adalah logam yang diharamkan kepada kaum lelaki sebagai perhiasan.

Kata-kata Anas r.a. ini diucapkan setelah Rasulullah s.a.w. meninggal dunia, beliau pula seorang sahabat yang berumur panjang. Ketika meninggal dunia umur beliau telah melebihi 100 tahun. Kata-kata Anas r.a. ini juga menunjukkan perhatian yang diberikan oleh para sahabat terhadap manusia yang paling dikasihinya membuatnya sentiasa mengingati perincian sehalus sinar cincin di jari, seolah-olah ia baru sahaja berlaku, walaupun sebenarnya sudah lama peristiwa itu berlaku.

Cincin Rasulullah ini diwarisi oleh Sayyidina Abu Bakar, ‘Umar dan ‘Utsman tetapi kemudiannya terjatuh ke dalam Telaga Aris dan tidak ditemui walaupun dicari sekian lama.

Rasulullah s.a.w. ada memakai cincin, namun Baginda tidak selalu memakainya, dipakainya pula bukan pada setiap masa, ketika ke tempat membuang air Baginda akan menanggalkannya, pada ketika-ketika yang lain Baginda memusingkan bahagian kepala cincin ke dalam. Baginda sendiri memakainya untuk urusan rasmi kerajaan sahaja, bukan sebagai perhiasan, bukan juga sebagai azimat, penguat dan penarik rezeki. Sunnah memakai cincin hanya sekadar keperluan kerja sahaja, bukan untuk perhiasan kerana sahabat-sahabat juga tidak memakainya melainkan untuk tujuan kerja.

Secara asasnya memakai cincin untuk khasiat permata dibolehkan hanya jika dianggap seperti khasiat akar kayu sahaja, tidak boleh dipakai dengan anggapan melampau seperti membawa tuah, menarik rezeki dan sebagainya kerana ia membawa kepada kesyirikan. Bagi kaum wanita pula, tidak mengapa memakai cincin untuk berhias, kerana isteri-isteri Rasulullah s.a.w. juga ada memakainya, termasuk cincin emas dan perak.

Bab (8): Orang Yang Duduk Di Bahagian Belakang Majlis (Ilmu) Dan Orang Yang Nampak Satu Ruang Dalam Halqah Lalu Dia Duduk Di Ruang Itu.¹⁰¹

¹⁰¹ Setelah selesai menceritakan tentang cara periwayatan ilmu (khususnya ilmu hadits), Imam Bukhari ingin menceritakan pula tentang adab dalam menuntut ilmu. Bila ada adab, akan adalah hasil dan berkatnya. Bila tiada adab, maka tiadalah juga rahmat Allah s.w.t.

Pada masa yang sama Imam Bukhari juga ingin mengingatkan tentang nilai ilmu dan kelebihanannya, apatah lagi ilmu agama, ia tidak boleh dipandang enteng dan tiada nilai. Majlis ilmu adalah suatu majlis zikir yang diberkati dan dirahmati Allah, ia dikerumuni malaikat yang sentiasa berdoa dan memberikan semangat kepada pesertanya, Allah juga menyenaraikan peserta-peserta majlis ilmu sebagai orang-orang yang hampir kepadaNya. Jalan ke syurga juga dipermudahkan kepada penuntut ilmu. Semua itu telah tersebut di dalam hadits Rasulullah s.a.w. Antaranya hadits di bawah ini:

مَا مِنْ قَوْمٍ يَجْتَمِعُونَ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتَعَلَّمُونَ الْقُرْآنَ وَيَتَذَكَّرُونَ بَيْنَهُمْ إِلَّا حَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَعَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ وَتَنَزَّلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ، وَمَا مِنْ رَجُلٍ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا إِلَّا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَنْ أَبْطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ

Bermaksud: Tidak berhimpun satu kumpulan manusia di mana-mana rumah Allah dengan tujuan mempelajari al-Qur'an dan bertadarus di antara sesama mereka melainkan mereka dikerumuni malaikat, dikebungi rahmat dan dituruni as-Sakīnah (ketenangan). Allah menyebut mereka di kalangan orang-orang yang hampir kepadaNya. Tiada siapa pun yang melalui satu jalan untuk mencari ilmu melainkan dipermudahkan kepadanya jalan ke syurga. Sesiapa yang diperlamatkan oleh amalannya, keturunannya tidak akan mempercepatkannya. (Lihat Ibnu `Abdīl Barr - Jāmi` bayān al-`Ilm j.1 m/s 65).

Kelainan majlis ilmu ialah kerana masing-masing yang menyertainya adalah orang-orang yang berniat baik, boleh jadi malaikat tidak datang kerana kita tetapi malaikat datang kerana orang lain yang juga turut ada dalam majlis ilmu. Ia seperti sembahyang berjemaah daripada sudut apabila kita terleka untuk seketika, tidak semua orang lain yang turut serta itu juga terleka, mereka dapat menampung apa yang kita terlepas ketika terleka, dan adakalanya kita dapat menampung bahagian yang orang lain terleka.

Semakin ramai peserta dalam sesuatu majlis ilmu maka semakin sedikit ruang kecacatan boleh berlaku, kerana itulah semakin ramai jemaah dalam sembahyang adalah lebih baik.

Begitu juga dengan kelompok manusia apabila berada di sesuatu tempat, masing-masing dengan kelebihan tersendiri akan dapat menampung kekurangan ahlinya yang lain. Dengan itu menjadi kuatlah sesebuah masyarakat manusia.

Setiap majlis ilmu mestilah ada guru dan pelajarnya, pembelajaran secara bersendirian dan di luar majlis ilmu pula berbeza daripada pembelajaran di dalam majlis ilmu.

Pembelajaran secara bersendirian melalui rakaman atau secara atas talian juga akan memberi ilmu tetapi cara dan adab seorang pelajar ketika belajar itu mungkin berbeza, keadaannya boleh jadi membuatnya tidak betul-betul memberikan perhatian, ini berlaku disebabkan tiada kebimbangan adanya orang yang memerhati tingkah lakunya, kerana itu ia tidak dipanggil majlis ilmu dalam ertinya yang khusus.

Pembelajaran daripada guru yang sama di luar majlis ilmu atau tempat-tempat lain seperti di jalanan atau di pasar bukanlah langsung tidak akan memberikan ilmu, tetapi ia terhad dan tidak akan diperolehi sepenuhnya seperti di dalam majlis ilmu yang khusus.

Tajuk bab yang dibuat oleh Imam Bukhari ini bertujuan menyatakan tiga jenis orang yang berhadapan dengan majlis ilmu. Pertama ialah orang yang menghadhirinya, tetapi duduk di bahagian belakang. Kedua ialah orang yang menghadhirinya dan masuk ke ruang hadapan. Dan ketiganya ialah orang yang berpaling pergi (terus) meninggalkan majlis ilmu.

Imam Bukhari mahu memberitahu bahawa sekiranya terdapat majlis ilmu maka jangan sekali-kali tidak menyertainya atau hanya melaluinya sahaja tanpa turut serta dalam majlis tersebut, kerana kelebihan majlis ilmu tetap ada walaupun seseorang itu berada di bahagian belakang. Perkara ini diisyaratkan oleh beliau dengan katanya:

Orang Yang Duduk Di Bahagian Belakang Majlis.

Perlulah diingat bahawa kelebihan pergi ke sesuatu majlis ilmu adalah kerana majlis ilmu yang ada padanya, bukan kerana perkara lain yang boleh dilakukan secara sambilan. Kelebihan majlis ilmu tidak akan diperolehi sepenuhnya apabila perkara lain dijadikan keutamaan dan matlamat, sementara majlis ilmu hanyalah menjadi tujuan sambilan sahaja. Hasil yang akan diperolehi juga tentunya berbeza apabila tujuan asalnya berbeza.

Setelah hadir dalam sesuatu majlis ilmu pula, janganlah apabila melihat tiada tempat duduk maka terus keluar dari majlis, kerana mungkin sekali di ruang hadapan masih ada tempat duduk dan hanya ruang belakang sahaja yang dipenuhi.

Mungkin juga disebabkan malu, anda tidak mahu duduk di ruang hadapan, tidak mengapa, selagi anda mengambil tempat di mana-mana bahagian belakang dan menyertai majlis ilmu yang ada.

Orang yang hadir dalam majlis ilmu walaupun di bahagian belakang yang tidak berapa jelas suara penyampainya, juga tetap mendapat menafaat berbanding orang yang langsung tidak menghadhirinya.

Di zaman sekarang, majlis ilmu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, ia dilengkapi dengan pembesar suara, skrin yang memantulkan ilmu yang disampaikan di segenap ruang majlis, dewan yang bertingkat semakin tinggi di bahagian belakang dan lain-lain kelengkapan, semuanya telah banyak membantu menghilangkan kekurangan orang yang berada di bahagian belakang, sehingga tidak ada lagi kerugian mahupun kekurangan orang yang hadir di bahagian belakang majlis sekalipun.

Tetapi tindakan yang lebih baik ialah dengan memenuhi ruang hadapan majlis ilmu terlebih dahulu, seperti yang diisyaratkan oleh Imam Bukhari dalam tajuknya: **Orang Yang Nampak Ada Ruang Di Dalam Halqah Lalu Dia Duduk Di Ruang Itu.**

Antara hikmat berada di ruang hadapan yang lebih hampir dengan guru ialah kerana ia akan menimbulkan rasa malu kepada guru dan menjaganya daripada melakukan perbuatan yang boleh mengganggu pembelajarannya, di samping membantunya memberikan tumpuan yang lebih kepada apa yang dipelajari. Semua itu amat berfaedah dan berguna kepada seseorang pelajar.

Kesediaan pelajar untuk menghadhiri majlis ilmu menunjukkan keinginannya untuk mendapatkan ilmu, tetapi apabila dengan sengaja tidak memilih untuk memenuhi ruang hadapan, maka itu seolah-olahnya menunjukkan keenggannya untuk memperolehi sepenuh ilmu yang akan disampaikan oleh guru.

Mungkin rasa mengantuk menyebabkan seseorang pelajar berasa malu untuk berada di ruang hadapan berdekatan gurunya, tetapi ia sebenarnya boleh dielak dengan cara pelajar itu menyedari tentang kepentingan, keutamaan dan nilai ilmu yang hendak diperolehinya itu, yang tentunya berguna untuk dunia dan akhiratnya.

Dengan itu seseorang pelajar akan menyedari bahawa untuk mendapatkan sepenuhnya ilmu itu dari gurunya, dia mestilah menghadhiri majlis ilmu dalam keadaan segar dan bersedia dari hari sebelumnya lagi dengan mencukupkan tidurnya sehingga tidak lagi akan berasa mengantuk dan malu untuk berada di ruang hadapan majlis ilmu. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّهُ لَيْسَ فِي النَّوْمِ تَفْرِيطٌ إِنَّمَا التَّفْرِيطُ فِي الْيَقَظَةِ

Bermaksud: Sesungguhnya kecuaian tidak terletak pada tidur, sebaliknya ia terletak pada berjaga. (Hadits riwayat Tirmidzi, Nasā'i dan Ibnu Majah).

Mungkin juga kehadiran lewat menyebabkan seseorang pelajar berasa malu untuk berada di ruang hadapan atau menyebabkannya terpaksa melangkah dan mengganggu pelajar-pelajar yang lain. Untuk mengelak daripada berlaku semua itu ia sepatutnya berusaha untuk hadir lebih awal, supaya tidak timbul lagi perasaan malu disebabkan kelewatannya itu.

Antara hikmat berada di ruang hadapan lagi ialah guru merasakan pelajarnya memang berminat dan memerlukan ilmu yang disampaikannya. Jibril a.s. diriwayatkan telah tampil dengan penuh beradab sebagai seorang murid dalam keadaan berlaga lutut dengan Nabi s.a.w. ketika menanyakan tentang Islam, supaya tidak terkeliru. Teksnya adalah seperti berikut:

جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ

Bermaksud: Jibril duduk menghadap Nabi s.a.w. dengan berlaga lutut dan dengan meletakkan kedua tangannya di atas kedua paha baginda s.a.w. (Hadits riwayat Muslim Ahmad, Abu Daud, Tirmidzi, Nasā'i, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain).

Jarak yang jauh atau kedudukan yang terselindung daripada guru mungkin menyebabkan kurang jelas apa yang diucapkannya. Boleh jadi juga cara dan gaya penyampaian yang tertentu apabila tidak dilihat tidak akan dapat diketahui dengan betul. Dalam riwayat مسلسل بالفعل (musalsal bil fi'il) sebagai contohnya, ketika Rasulullah s.a.w. mengemukakan haditsnya, baginda mungkin sedang melakukan sesuatu atau sedang melakukan pergerakan tertentu, dan perawi yang

meriwayatkannya juga melakukan perkara yang sama. Apabila berada berjauhan, mungkin saja seseorang pelajar tidak dapat melihat pergerakan guru yang mengajar. Antara hikmat berada di ruang hadapan juga ialah guru merasakan muridnya mengambil berat tentang apa yang dipelajarinya. Kehadiran lewat atau ketiadaan pelajar yang sentiasa berada di hadapan akan disedari gurunya bahawa dia tentunya sedang menghadapi sesuatu masalah, keberadaannya di ruang belakang juga akan difahami bahawa ada sesuatu yang telah mengganggu kehadirannya dengan segera. Suara guru yang mungkin sedikit perlahan boleh didengari oleh pelajar yang berada di hadapan, persoalan yang ingin ditanya pula tidak perlu dilaungkan kerana jarak yang dekat.

Tetapi semua masalah ini sekarang boleh selesai dan dapat diatasi dengan adanya pembesar suara, sistem audio dan video. Pembelajaran secara atas talian juga menggunakan pelbagai saluran interaktif dapat menghubungkan pelajar dengan guru yang berada jauh beribu-ribu batu, seolah-olah mereka berhadapan dalam satu majlis. Apa yang mahu ditekankan oleh Bukhari di sini ialah kehadiran dalam majlis ilmu walaupun di hujung dan di bahagian belakangnya tetap mempunyai kelebihan. Apa yang tidak diingini ialah tidak hadir langsung atau melalui sahaja tempat majlis ilmu atau hadir tetapi kerana tempat duduk di ruangan belakang kelihatan sedikit penuh maka ia berlalu dan terus pergi meninggalkan majlis.

Justeru tindakan seperti itu menampakkan ketidaksungguhan anda untuk belajar dan tidak tertariknya anda ke arah ilmu. Orang yang tidak tertarik kepada ilmu tidak akan memperolehi ilmu, dan kerugiannya akan ditanggung oleh dirinya sendiri di kemudian hari.

Imam Bukhari tidak menyebutkan jenis orang yang ketiga ini di dalam tajuk babnya kerana ia tidak termasuk dalam kelebihan, walaupun ia juga tersebut di dalam hadits di bawah tajuk bab ini yang akan dibincangkan nanti.

Menurut Hafizh Ibnu Hajar, tajuk-tajuk bab sebelum ini semuanya berbicara tentang orang alim. Bermula dari tajuk bab ini pula Imam Bukhari mula berbicara tentang pelajar. (Lihat Fathul Bāri j.1 m/s 156).

Memang benar apa yang disebut oleh Hafizh Ibnu Hajar itu. باب من رفع صوته بالعلم (Bab Orang Yang Mengangkat Suaranya Untuk Menyampaikan Ilmu), باب طَرَحَ الإِمَامُ الْمَسْأَلَةَ (Bab Imam Mengemukakan Soalan Kepada Murid-Muridnya Untuk Menguji Ilmu Yang Ada Pada Mereka), باب قَوْلِ الْمُحَدِّثِ حَدَّثَنَا أَوْ أَخْبَرَنَا (Bab Kata Muḥaddits Ḥaddatsana Atau Akhbarana Dan Anba'ana), الْقِرَاءَةُ وَالْعَرْضُ (Bab Membaca Dan Mengemukakan Bacaan Di Hadapan Muḥaddits), باب مَا يُذَكَّرُ فِي الْمُنَاوَلَةِ وَكِتَابِ أَهْلِ الْعِلْمِ بِالْعِلْمِ إِلَى الْبُلْدَانِ (Bab Apa Yang Disebut Tentang Munāwalah Dan Surat Mengandung Ilmu Yang Dihantar Oleh Ahli Ilmu Ke Pelbagai Negeri), bukankah semua bab itu berbicara tentang orang alim, peranan dan adab-adabnya? Setelah membincangkan tentang orang alim dan adab-adab mereka, sekarang Imam Bukhari mahu membincangkan pula tentang pelajar atau murid di samping adab dan etika yang seharusnya ada pada mereka.

Hafiz al-'Aini berpendapat, tajuk bab sebelum ini berkenaan dengan munāwalah, dan munāwalah itu berlaku dalam majlis ilmu, maka wajarlah kalau selepas itu Imam

٦٧ - حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ أَنَّ أَبَا مُرَّةَ مَوْلَى عَقِيلِ بْنِ أَبِي طَالِبٍ أَخْبَرَهُ عَنْ أَبِي وَاقِدٍ اللَّيْثِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَمَا هُوَ جَالِسٌ فِي الْمَسْجِدِ وَالنَّاسُ مَعَهُ إِذْ أَقْبَلَ ثَلَاثَةٌ نَفَرٍ فَأَقْبَلَ اثْنَانِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَذَهَبَ وَاحِدٌ قَالَ فَوَقَفَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَمَّا أَحَدُهُمَا فَرَأَى فُرْجَةً فِي الْحَلَقَةِ فَجَلَسَ فِيهَا وَأَمَّا الْآخَرُ فَجَلَسَ خَلْفَهُمْ وَأَمَّا الثَّالِثُ فَادْبَرَ ذَاهِبًا فَلَمَّا فَرَغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَلَا أُخْبِرُكُمْ عَنْ النَّفَرِ الثَّلَاثَةِ أَمَّا أَحَدُهُمْ فَأَوَى إِلَى اللَّهِ فَأَوَاهُ اللَّهُ وَأَمَّا الْآخَرُ فَاسْتَحْيَا فَاسْتَحْيَا اللَّهُ مِنْهُ وَأَمَّا الْآخَرُ فَأَعْرَضَ فَأَعْرَضَ اللَّهُ عَنْهُ.

67 - Isma`il (bin Abi Uwais) meriwayatkan kepada kami, katanya, Mālik meriwayatkan kepadaku daripada Ishāq<sup>102</sup> bin `Abdillah bin Abi Thalhah (Zaid bin Suhail) bahawa Abu Murrah¹⁰³ - hamba bebasan `Aqīl bin Abi Thālib – meriwayatkan kepadanya daripada Abi Wāqid al-Laitsi,¹⁰⁴ (kata beliau)

Bukhari mengadakan pula tajuk bab yang membicarakan tentang adab murid berada dalam majlis ilmu.

¹⁰² Ishaq bin `Abdillah bin Abi Thalhah ialah anak saudara Anas bin Malik sebelah ibu. Beliau tinggal di rumah datuknya (Abu Thalhah) di Madinah. Ishaq seorang Tābi`i, beliau mendengar dan menerima hadits daripada ayahnya sendiri, pak cik sebelah ibunya Anas bin Malik dan lain-lain. Para `ulama' hadits bersepakat tentang ketsiqahannya. Dialah yang paling terkenal dan paling banyak meriwayatkan hadits di antara saudara-saudaranya, iaitu `Abdullah, Ya`qub, Isma`il, dan `Umar. Semua mereka anak `Abdullah. Malik tidak mengutamakan sesiapa pun dalam hadits daripada Ishaq. Ishaq meninggal dunia pada tahun 132 Hijrah. Keenam-enam pengarang kitab utama hadits (الجماعة) menerima riwayat beliau.

¹⁰³ Namanya Yazid, hamba bebasan `Aqīl bin Abi Thālib. Abu Murrah meriwayatkan hadits daripada `Amar bin al-`Aash, Abu Hurairah, Abu ad-Dardā' dan Abu Wāqid. Beliau juga salah seorang perawi enam kitab utama hadits. Ibnu Hibbaan, Adz-Dzahabi, Hafizh Ibnu Hajar dan lain-lain mengatakan Abu Murrah seorang perawi tsiqah.

¹⁰⁴ Terdapat tiga pendapat `ulama' tentang nama sebenarnya. Ada yang berkata, Ḥārīts bin Malik, ada pula yang berkata, Ḥārīts bin `Auf dan ada juga yang berkata, nama sebenarnya ialah `Auf bin al-Ḥārīts. Bagaimanapun beliau lebih terkenal dengan nama kunyahnya itu, Abu Wāqid.

Imam Bukhari, Ibnu Hibbaan, al-Bāwardi dan Abu Ahmad al-Haakim menyebut Abu Wāqid sebagai salah seorang sahabat Ahli Badar. Musa bin `Uqbah dan Ibnu Ishaq pula tidak menyenaraikan nama Abu Wāqid sebagai Ahli Badar.

Selain meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. sendiri, Abu Wāqid juga meriwayatkan hadits daripada Abu Bakar dan `Umar r.a. Senarai orang-orang yang

“Sesungguhnya pernah Rasulullah s.a.w. duduk di dalam masjid bersama para Shahabatnya. Tiba-tiba datang tiga orang laki-laki.¹⁰⁵ Dua daripadanya datang kepada Rasulullah s.a.w. dan seorang lagi terus pergi (meninggalkan majlis itu). Perawi berkata: “Kedua-dua orang yang masuk tadi duduk di hadapan Rasulullah s.a.w. Tetapi seorang daripadanya melihat ada ruang dalam halqah,¹⁰⁶ maka dia memenuhi ruang itu. Dan yang seorang lagi pula duduk di belakang orang lain. Manakala yang ketiga berpaling pergi. Setelah Rasulullah s.a.w. selesai (daripada bicaranya) Beliau bersabda: “Mahukah kamu aku ceritakan tentang tiga orang yang datang tadi?¹⁰⁷ Yang pertama daripada mereka telah mencari tempat perlindungan di sisi Allah, maka Allah

meriwayatkan daripadanya pula panjang. Antaranya Sa'id bin al-Musaiyyab, Sulaiman bin Yasār, `Urwah bin az-Zubair, Abu Murrāh dan lain-lain.

Dikalangan sahabat terdapat tiga orang yang memakai kunyah ini, Abu Wāqid. Pertamanya ialah perawi hadits ke-67 ini iaitu Abu Wāqid al-Laitsi. Kedua, Abu Wāqid maula (hamba bebasan) Rasulullah s.a.w. Abu `Umar Zādzān adalah antara orang yang meriwayatkan daripadanya. Ketiga, Abu Wāqid an-Numairi. Nāfi' bin Sarjis adalah antara orang yang meriwayatkan daripadanya.

Sebanyak 24 hadits telah diriwayatkan oleh para `ulama' hadits daripada beliau. Satu daripadanya telah diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, iaitu hadits ke-67 ini. Abu Wāqid meninggal dunia pada tahun ke-68 Hijrah ketika berusia 85 tahun. Inilah yang lebih tepat berkenaan umur beliau ketika wafat.

¹⁰⁵ Hafizh Ibnu Hajar mengatakan, tidak dapat diketahui melalui mana-mana saluran riwayat pun siapakah nama tiga orang yang datang sebagaimana tersebut di dalam hadits ini.

¹⁰⁶ Perbuatan sahabat ini menunjukkan kecerdikan dan elok adabnya kerana tidak terus melangkah ke tengah-tengah hadhirin semata-mata untuk berada di hadapan tetapi memerhati dan melihat terlebih dahulu di manakah ada ruang kosong untuk dipenuhinya. Perbuatannya menyelamatkannya daripada balasan akhirat yang disebutkan sebagai melintasi sirat dengan kaki di atas dan kepala di bawah kerana telah melangkah dan kurang adab sehingga menyakiti orang lain.

¹⁰⁷ Rasulullah s.a.w. ingin menceritakan tentang tiga jenis pelajar: (1) Pelajar yang apabila belajar akan berada di hadapan guru dan kalau ada ruangan yang kosong, ia akan memenuhi ruangan itu. (2) Pelajar yang malu kepada gurunya itu boleh jadi kerana takut diketahui sedang mengantuk atau kerana tidak boleh meluruskan kaki atau takut disoal guru atau takut diketahui orang sebagai seorang pelajar kerana berada di hadapan atau kerana merasa kurangnya ilmu di dada dan tidak layak berada di hadapan atau lain-lain. (3) Pelajar yang apabila orang sedang belajar, dia pergi ke tempat lain.

melindunginya ¹⁰⁸ dan yang kedua malu, ¹⁰⁹ maka Allah (juga) malu kepadanya. ¹¹⁰ Manakala yang ketiga pula, dia berpaling, ¹¹¹ maka Allah berpaling daripadanya. ¹¹²

¹⁰⁸ Jenis pelajar yang pertama datang kepada Allah dan memasukkan dirinya ke dalam majlis Rasulullah s.a.w. lalu Allah membalasnya dengan memasukkannya ke dalam rahmat dan keredhaanNya.

¹⁰⁹ Malu kerana sebab yang baik dan munasabah, bukan malu buat-buatan dan memilih untuk berada di belakang supaya mudah untuk tidur atau keluar dari majlis ilmu, contohnya ialah untuk mengelakkan berlakunya gangguan majlis ilmu disebabkan dirinya atau merasakan dirinya kurang bersedia dan sebagainya. Allah s.w.t. akan memberikan juga balasannya, cuma tidak penuh seolah-olah Allah juga malu untuk memberikan balasan yang sempurna kepadanya. Malu untuk berbuat sesuatu akan menyebabkan perbuatan itu tidak dilakukan sepenuhnya, malu untuk belajar akan membuatkan ilmu tidak diperolehi sepenuhnya, akibatnya balasan Allah kepadanya juga diberikan tidak sepenuhnya.

¹¹⁰ Balasan Allah kepada hambaNya bergantung kepada sekuat mana kesungguhan hamba itu berusaha untuk mendapatkannya. Sesuai dengan hadits qudsi ini:

قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِذَا تَقَرَّبَ عَبْدِي مَنِّي شِبْرًا تَقَرَّبْتُ مِنْهُ ذِرَاعًا وَإِذَا تَقَرَّبَ مَنِّي ذِرَاعًا تَقَرَّبْتُ مِنْهُ بَاعًا - أَوْ بُوْعًا - وَإِذَا أَتَانِي يَمْشِي أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً

Bermaksud: Allah s.w.t. berfirman: Apabila hambaKu mendekatkan diri kepadaKu sejengkal, Aku mendekat kepadanya sehasta dan apabila ia mendekat kepadaKu sehasta, Aku mendekat kepadanya sedepa, dan apabila dia datang kepadaKu dengan berjalan, Aku pergi kepadanya dengan berlari-lari anak. (Hadits riwayat Bukhari, Ahmad, `Abd bin Humaid, Abu Ya`la, Abu Daud at-Thayālisi dan lain-lain).

Ilmu pun begitu juga, jika anda bersikap malu terhadapnya, maka sekadar-kadaran sahaja ia akan diperolehi, malu bertanya menyebabkan anda tidak akan tahu. Boleh jadi kita sendiri akan berasa tidak puas hati kerana telah malu untuk bertanya, Rasulullah s.a.w. bersabda:

فَإِنَّمَا شِفَاءُ الْعِيِّ السُّؤَالُ

Bermaksud: Sesungguhnya penawar bagi kejahilan itu ialah bertanya. (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, `Abdur Razzaaq, at-Thabaraani dan al-Haakim).

Malu itu boleh jadi kerana lewat, boleh jadi kerana tidak mahu bersesak-sesak dengan orang ramai, boleh jadi kerana bimbangkan salah faham gurunya terhadapnya, malu yang sebegitu bukanlah semuanya tidak baik.

Menurut riwayat al-Hākim orang yang malu dalam hadits yang dimaksudkan di sini bukannya kerana dia mahu duduk tetapi tiada tempat, dia malu kerana pada asalnya hendak ke tempat lain, namun kerana melalui berdekatan majlis Rasulullah s.a.w., dia berasa malu dan serba salah kalau tidak singgah walaupun sebentar. Orang berkenaan bahkan telah pergi juga tidak jauh dari situ, tetapi kembali datang dan duduk. Teksnya adalah seperti berikut: ومضى الثاني قليلا ثم جاء فجلس .

Walaupun dia malu untuk meninggalkan majlis ilmu kerana bimbangkan Rasulullah s.a.w. melihatnya pergi, tetapi masih ada faedah dan kelebihan kepadanya berbanding yang langsung tidak menghadhiri majlis ilmu. Cuma ia kurang baik kerana hatinya tidak tertarik kepada majlis ilmu, hanya menyertainya kerana malu. Ilmu yang diperolehinya juga akan kurang daripada orang yang pertama yang lebih bersungguh-sungguh.

¹¹¹ Majlis ilmu adalah zikir. Rahmat dan keredhaan Allah s.w.t. boleh didapati padanya, ilmu juga tentunya ada di situ. Maka tepat sekali kata sesetengah 'ulama':

الإِعْرَاضُ عَنْ مَجْلِسِ الْعِلْمِ يُوجِبُ الْحِرْمَانَ

Bermaksud: Berpaling daripada majlis ilmu menyebabkan seseorang terhalang daripada mendapat rahmat dan keredhaan Allah.

Imam an-Nawawi berkata, "Tentu sekali berpaling perginya orang itu tidak kerana sesuatu keuzuran atau keperluan." Sebabnya ialah orang yang tidak menyertai majlis ilmu kerana sesuatu keperluan dan keuzuran tentu sekali tidak dikira bersalah sehingga ia dihukum.

Pandangan an-Nawawi itu memang wajar diterima sekiranya orang berkenaan adalah seorang muslim. Tetapi tidak mungkinkah orang itu bukan muslim atau seorang munafiq? Ibnu 'Abdil Barr berpendapat orang itu adalah seorang munafiq. Bagi beliau, seorang munafiq sahaja dapat berpaling sebegitu rupa daripada majlis ilmu Rasulullah s.a.w.!

Sebenarnya tidak ada hadits yang jelas menunjukkan orang itu memang munafiq. Bagaimanapun logik yang dipakai oleh Ibnu 'Abdil Barr itu cukup kuat dan sangat relevan. Ia tidak sepatutnya diketepikan dengan begitu sahaja.

¹¹² Orang yang ketiga langsung tiada keinginan untuk mendapatkan ilmu, berkaitan dengan orang jenis ini, Allah s.w.t. berfirman:

أَنْزَلْنَاهُمْ مُّكْمُوها وَأَنْتُمْ لَهَا كَاِرُهُونَ ﴿٢٨﴾

Bermaksud: maka adakah kamu nampak ada gunanya Kami memaksa kamu menerima bukti itu sedang kamu tidak suka kepadanya? (Hud:28).

Kalau kita inginkan ilmu, Allah akan memberikannya, tetapi kalau kita tidak inginkan ilmu, adakah Allah akan berikannya juga? Jawabnya tidak, bukan sunnatullah memberikan ilmu kepada orang yang tidak menginginkannya. Ketetapan Allah dalam dunia ini ialah Dia memberikan kepada orang yang berkehendak sesuai dengan tahap kehendak dan kemahuannya.

Hadits ini memberikan satu prinsip agama Islam yang sangat signifikan, iaitu: الجزاء العمل yang bererti balasan diberikan mengikut jenis amalan. Kalau pergi ke majlis ilmu dengan maksud untuk mendapatkan perlindungan Allah, Allah akan memberikannya. Kalau dengan maksud untuk mendapatkan ilmu, itulah yang dia akan dapat. Semakin banyak perkara yang dikehendaki, semakin banyak yang akan diperolehi. Contohnya mahu pahala, mahu ilmu supaya menjadi darah daging sehingga ke anak cucu, bersemangat dalam usaha mendapatkan ilmu, mahu menjadi ahli ilmu, ingin bukan sekadar mendapat ilmu tetapi sehingga boleh mengajar pula

dan lain-lain. Kalau malu pula, akan dapat sekadar yang malu itu sahaja, kalau langsung tidak ada kemahuan, maka tidak akan dapat apa-apa.

Tidak mendapat benda lain tidak mengapa, tidak mendapat ilmu, rugilah dunia akhirat. Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Bermaksud: Sesiapa yang mengambil jalan untuk mencari ilmu, Allah akan mempermudah jalan untuknya ke syurga. (Hadits riwayat Tirmidzi, Ibnu Majah, Ibnu Abi Syaibah dan al-Haakim).

Hadits ini mengetuk pintu minda umat Islam dan memberi peringatan kepada mereka bahawa kalau untuk mendapatkan dunia ini pun manusia boleh bersungguh-sungguh, bagaimana dengan orang-orang yang belajar agama, belajar al-Qur'an dan belajar hadits yang hasilnya ialah memenangi dunia dan akhirat, bagaimana boleh mereka tidak bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya? Kalau ada juga orang yang belajar agama bersikap begitu, tentulah dia seorang yang memang tidak tahu nilai sebenar ilmu yang dipelajarinya.

Orang yang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan ilmu, ia bersungguh-sungguh kerana mengetahui nilai ilmu itu sendiri, bukan untuk menghadapi peperiksaan, bukan untuk memuaskan hati orang lain, dan bukan juga untuk mencari kerja atau lain-lain.

Ilmu hadits pula adalah ilmu yang boleh diguna sepanjang hayat, boleh dijadikan sebagai panduan hidup, cukup kepada orang yang mengetahui nilainya untuk bersungguh-sungguh mencapainya.

Penggunaan perkataan malu (استحيا) dan berpaling (أعرض) untuk Allah di dalam hadits ini bukanlah dengan erti seperti sifat malu dan berpaling pada manusia atau lain-lain makhluk, kerana itu adalah mustahil kepada Allah. Ia hanya digunakan secara majāz semata-mata. Majāz seperti ini dipanggil musyakalah dan muqābalah (مجاز المشاكلة). Erti sebenar (المقابلة) فَاسْتَحْيَا اللَّهَ مِنْهُ ialah maka Allah mema'afkannya atau tidak menghukumnya atas perbuatannya itu. Erti sebenar (المنكر) فَأَعْرَضَ اللَّهُ عَنْهُ pula ialah maka Allah menghukumnya dengan memurkainya. Hakikatnya ialah apa yang tersebut sebagai majāz itu merupakan malzūm yang tidak dimaksudkan, sementara erti sebenarnya adalah lazim baginya yang dimaksudkan. Majāz seperti ini dipanggil musyakalah kerana perkataannya menyerupai perkataan yang telah tersebut sebelumnya, walaupun ma'na sebenar kedua-duanya berlainan. Bukan di dalam hadits sahaja terdapat penggunaan majāz musyakalah ini, di dalam al-Qur'an juga terdapat banyak penggunaannya. Antaranya ialah dalam dua firman Allah berikut:

وَمَكْرُوا اللَّهَ وَاللَّهُ خَيْرٌ الْمَكْرِينَ ﴿٥١﴾

Bermaksud: Dan mereka (orang-orang Yahudi yang kafir) itupun merancangkan tipu daya (hendak membunuh Nabi Isa), dan Allah pula membalas tipu daya (mereka); dan (ingatlah), Allah sebijak-bijak yang membalas (dan menggagalkan segala jenis) tipu daya. (Aali `Imraan:54).

الْمُتَفِقُونَ وَالْمُتَفِقَتْ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ

إِنَّ الْمُنْفِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, sebahagian mereka sama dengan sebahagian yang lain; mereka masing-masing menyuruh membuat perkara yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik, dan mereka pula menggenggam tangannya (bakhil kedekut). Mereka telah melupakan (tidak menghiraukan perintah) Allah dan Allah juga melupakan (tidak menghiraukan) mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itu adalah orang-orang yang fasik. (at-Taubah:67).

Antara pengajaran, panduan, pedomam dan hukum yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah: (1) Hadits ini menggalakkan umat Islam supaya belajar dan mengikuti majlis ilmu. (2) Tidak boleh malu dalam menuntut ilmu, kerana malu adalah sifat orang yang bersalah. (3) Manusia berasa malu apabila ada sesuatu kesalahan atau sesuatu yang tidak kena telah dilakukannya. (4) Malu belajar adalah salah satu sifat yang keji. Saiyyidatuna `Aaishah sebaliknya pernah memuji wanita-wanita Anshar kerana mereka tidak malu belajar.

نِعْمَ النِّسَاءُ نِسَاءُ الْأَنْصَارِ لَمْ يَكُنْ يَمْنَعُهُنَّ الْحَيَاءُ أَنْ يَتَفَقَّهْنَ فِي الدِّينِ

Bermaksud: Sebaik-baik wanita ialah wanita Anshār. Malu tidak menghalang mereka mendalami agama. (Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim).

(5) Orang yang duduk atau berada dalam majlis ilmu sebenarnya berada dalam perlindungan dan rahmat Allah. (6) Orang yang berpaling daripada ilmu agama dan tidak mahu mempelajarinya dimurkai Allah. (7) Seseorang pelajar hendaklah berada di tempat yang membolehkannya menerima ilmu dengan baik. (8) Keelokan mengadakan halqah atau majlis ilmu di dalam masjid. (9) Keelokan berada hampir dengan guru semasa belajar. (10) Keharusan memuji seseorang kerana perbuatannya yang baik. (11) Apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan yang keji dan tercela secara terbuka, boleh saja ia dikaitkan dengannya. Menyebutkan kejahatannya kepada seseorang supaya ia berhati-hati dengannya tidak termasuk dalam bab mengumpat. (12) Orang yang tidak meredah halqah untuk pergi ke hadapan dengan melangkah belakang orang-orang yang telah berada di hadapan termasuk dalam orang-orang yang beradab dan sopan. (13) Seseorang guru boleh saja menyebutkan sesuatu yang tidak ditanya oleh murid. (14) Orang yang mendahului orang-orang lain menduduki sesuatu tempat di dalam majlis adalah lebih berhak dengannya. (15) Keelokan memenuhi tempat-tempat yang masih kosong di dalam majlis, lebih-lebih lagi di bahagian hadapannya. (16) Keharusan meredah untuk pergi ke hadapan dengan tujuan memenuhi tempat kosong, jika tidak menyakiti dan mengganggu sesiapa. Dalam keadaan boleh membuatkan orang-orang tersinggung perasaan pula lebih elok duduk saja di mana-mana tempat kosong yang ada di belakang. (17) Nabi s.a.w. memuji orang yang bersusah payah dalam usahanya mencari kebaikan.

Bab (9): ¹¹³ Sabda Nabi S.A.W.: "Adakalanya ¹¹⁴ Orang Yang Disampaikan (Sesuat Hadits) Lebih Mengerti (Tentangny) Daripada Orang Yang Mendengarnya Sendiri". ¹¹⁵

¹¹³ Para pensyarah Sahih Bukhari berpendapat ada beberapa tujuan Imam Bukhari mengadakan tajuk bab ini. Antaranya ialah:

(1) Mendorong dan menggalakkan para pelajar hadits menerima juga hadits daripada orang yang tidak lebih alim daripadanya. (2) Mengisyaratkan kepada apa yang terkandung di dalam firman Allah berikut:

... نَرْفَعُ دَرَجَاتٍ مِّنْ نَّشَأَ وَفَوْقَ كُلِّ ذِي عِلْمٍ عَلِيمٌ ﴿٧٦﴾

Bermaksud: ... (Dengan ilmu pengetahuan), Kami tinggikan pangkat kedudukan sesiapa yang Kami kehendaki, dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui. (Yusuf:76).

Ia juga mengingatkan tentang ketinggian darjat para 'ulama'. (3) Menimbulkan rasa gemar di dalam hati orang-orang yang mendengar sabda-sabda Rasulullah s.a.w. agar menyampaikannya kepada orang-orang yang tidak hadir. (4) Hāfīz al-`Aini di dalam 'Umdatul Qāri menulis, "Syeikh Quthbuddīn berpendapat, menerusi tajuk bab ini Imam Bukhari berdalil tentang keharusan menerima hadits daripada perawi-perawi bukan faqīh bahkan tidak berilmu sekalipun, jika ia ingat dengan baik apa yang diriwayatkannya. (5) Maulana Rasyīd Ahmad al-Ganggohi berpendapat, menerusi tajuk bab ini Imam Bukhari hendak menolak pandangan umum yang mengatakan ilmu murid mesti kurang berbanding ilmu guru. (6) Syeikhul Hind berpendapat, perkataan أَوْعَى mempunyai dua erti: (i) Lebih hafal atau lebih ingat. (ii) Lebih faham dan lebih mengerti. Pada penyampaian hadits Rasulullah s.a.w. terdapat dua faedah tersebut. Pada tidak menyampaikannya pula terdapat dua kemudharatan atau kerugian (yang merupakan lawan bagi dua faedah menyampaikannya).

¹¹⁴ Perkataan "adakalanya" adalah terjemahan yang dipilih penulis untuk perkataan رُبَّ. Ia mempunyai dua ma`na, iaitu: (1) Adakalanya, boleh jadi dan sedikit sekali. (2) Alangkah banyak / ramainya, banyak sekali (benda), ramai sekali (orang). Menurut al-`Aini, perkataan رُبَّ memang digunakan untuk kedua-dua ma`na tersebut, tetapi ia lebih banyak digunakan dengan ma`na kedua. Seolah-olahnya ma`na kedua itulah ma`na sebenarnya. Kalau begitu ia boleh juga diterjemahkan dengan "Alangkah Ramainya Orang Yang Disampaikan (Sesuat Hadits) Lebih Mengerti (Tentangny) Daripada Orang Yang Mendengarnya Sendiri". Nabi s.a.w. menggunakannya di sini untuk memberitahu tentang dua perkara: (1) Seseorang guru atau penyampai hadits Nabi s.a.w. tidak seharusnya mengambil kira apa yang ia dapati pada muridnya sewaktu ia sedang sebagai seorang pelajar. Guru hendaklah melihat ke hadapan, ia seharusnya menaruh harapan yang tinggi terhadap murid-murid. Ini kerana tiada siapa pun yang tahu dengan pasti selain Allah nasib seseorang manusia. Boleh jadi murid yang dirasakan kurang pada hari ini, akan menjadi seorang yang lebih hebat di hari kemudian daripada gurunya sendiri. (2) Penyampaian ilmu juga akan memanjangkan

usaha dan amal kebajikan manusia, ia menjadikannya tidak putus. Kalau disampaikan satu ilmu dan kemudiannya ia diolah menjadi sepuluh, tiada apa-apa kerugian kepada penyampainya, malah sebaliknya ia hanya mendapat keuntungan semata-mata.

Seorang guru tidak seharusnya berfikir bahawa sebanyak mana ilmu yang disampaikan kepada murid-murid, itu sahajalah yang akan diperolehi dan diterima mereka, kerana boleh jadi murid yang menerima sesuatu ilmu dari seseorang guru lebih pandai mengolah dan menggarapkannya, bagaimanapun semuanya berpunca daripada guru yang telah mengajar jua. Sedikit sebanyak hasil daripada muridnya itu tentu akan diperolehi gurunya juga.

Selain itu, seorang penerima ilmu, terutamanya ilmu daripada Nabi s.a.w. berupa hadits-hadits baginda, tidak disyaratkan mesti memahami dengan mendalam apa yang diterimanya untuk disampaikan kepada orang lain, asalkan dia ingat dengan baik hadits yang diterimanya, maka itu sudah dikira memadai untuk disampaikan. Boleh jadi akan ada orang lain di masa akan datang yang lebih memahami, lebih menghayati dan lebih mendalami ma'nanya daripada penyampai itu sendiri.

¹¹⁵ Hadits yang dikemukakan oleh Imam Bukhari di dalam tajuk bab ini tidak sama lafaznya dengan hadits ke-68 yang dikemukakan secara musand oleh beliau di bawahnya. Kerana lafaznya ialah:

لِيُبَلِّغَ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ فَإِنَّ الشَّاهِدَ عَسَى أَنْ يُبَلِّغَ مَنْ هُوَ أَوْعَى لَهُ مِنْهُ

Sebabnya menurut sesetengah 'ulama' ialah kerana hadits yang dikemukakannya di dalam tajuk bab itu tidak menepati syarat Shahihnya, walaupun ma'na kedua-duanya sama sahaja. Ia dengan lafaz itu terdapat di dalam Jami' Tirmizi dan lain-lain daripada riwayat Ibnu Mas'ud.

Tetapi pendapat ini tidak benar, kerana Imam Bukhari sendiri ada mengemukakannya dengan lafaz tersebut رَبِّ مُبَلِّغٍ أَوْعَى مِنْ سَامِعٍ secara musnad pada Bab Khutbah Di Mina di bawah Kitab al-Ĥajj. Maka sebab Imam Bukhari memilih lafaz ini untuk tajuk babnya ialah kerana lafaznya yang lebih ringkas, justeru ayat yang lebih ringkas itu lebih mudah dihafal dan diingati. Selain itu Imam Bukhari juga mahu menyatakan kepelbagaian lafaz hadits yang masyhur ini.

Salah satu perkara yang perlu dalam perkembangan dan kemajuan ilmu ialah penyampaian. Ilmu perlu disampaikan kepada sasarannya, ia perlu diajar, disebar, dipopular dan dikembangkan. Kadang-kadang ilmu itu tersekat dan tidak dapat tersebar dengan sempurna disebabkan halangan-halangan seperti ketiadaan perbelanjaan yang cukup untuk seseorang pelajar menyambung pelajaran dan pengajiannya. Keadaan-keadaan seperti ini sepatutnya tidak wujud dalam masyarakat. Tradisi penyebaran ilmu Islam yang berjaya telah pun bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi, cerdik pandai dan guru-guru ada di merata tempat, mereka sentiasa bersedia mengajar dan tidak kedekut ilmu, sesi pembelajaran boleh dilakukan di mana-mana sahaja tanpa pakaian seragam yang ditetapkan, tidak ada ketetapan yang menyusahkan dan tidak dimestikan perkara yang tidak mesti. Apa yang diperlukan hanyalah keikhlasan, kehendak dan kesungguhan pelajar sahaja.

Orang yang berilmu (ilmuan) boleh jadi tidak menyampaikan ilmunya kerana beberapa sebab, antaranya: (1) Memang tujuannya mencari ilmu hanyalah sekadar

untuk kegunaan dirinya sendiri sahaja, apabila ilmu yang dicari sudah mencukupi untuk kehidupan sehariannya, ia tidak lagi merasakan perlu kepada perkembangan ilmu. (2) Sifat bakhil dan kedekut ilmu yang ada pada sesetengah ahli ilmu mungkin menghalangnya daripada menyampaikan segala ilmu yang ada padanya, konon apabila disampaikan kesemua ilmunya, akan lahir lebih ramai cerdik pandai seperti yang dan tahap ilmunya juga diketahui oleh semua orang, keadaan itu nanti akan menyebabkan hilang keistimewaan dirinya. (3) Sifat angkuh dan sombong dengan ilmu yang ada, menyebabkannya berasa bahawa tidak ada orang yang layak menerima ilmu yang dapat disampaikannya. (4) Merasa rugi masa menyampaikan ilmu kepada orang yang mungkin akan melupakan apa yang disampaikannya. (5) Mementingkan keuntungan dunia berbanding pahala yang akan diperolehi di akhirat dengan sebab menyebarkan ilmu. (6) Merasakan murid-muridnya bebal dan tidak layak, kerana berpegang dengan hadits ini:

وَاضِحُ الْعِلْمِ فِي غَيْرِ أَهْلِهِ كَمُقَلَّدِ الْخَنَازِيرِ اللَّؤْلُؤُ وَالْجَوْهَرِ وَالذَّهَبِ

Bermaksud: Orang yang meletak ilmu tidak kena pada tempatnya (memberikan ilmu kepada orang yang tidak layak) seperti orang yang memakaikan kalung daripada mutiara, permata berharga dan emas kepada babi. (Hadits riwayat Ibnu Majah).

Walaupun ia diriwayatkan oleh Ibnu Majah di dalam Sunannya, namun kedudukannya sangatlah dha'if. Kalau ia hendak dipakai juga memandangkan ma'nanya yang benar, maka seharusnya dipakai untuk pengajaran ilmu yang sangat tinggi kepada orang yang baru belajar atau tidak mampu memahaminya. Sedangkan hadits bab ini pula menyuruh kita umat Islam supaya menyampaikan hadits Rasulullah s.a.w. walaupun ia tidak difahami dengan mendalam oleh penerimanya.

Apalah salahnya jika ahli ilmu menyampaikan sahaja ilmu yang ada padanya? Alangkah banyaknya faedah yang diperolehi orang yang menyampaikan ilmu, antaranya: (1) Ilmu akan hilang jika tidak disampaikan kepada orang lain. Generasi kemudian tidak akan mengetahui apa yang telah diketahui oleh orang-orang terdahulu. (2) Ilmu tidak akan berkembang jika tidak dihamburkan, apa jenis tumbuhan sekalipun tidak akan tumbuh jika benihnya tidak ditabur. (3) 'Ulama' mengatakan: العلم يزد بِنِفاقه والمال ينقص بِنِفاقه Bermaksud: Ilmu semakin bertambah dengan membelanjakannya, sebaliknya harta semakin berkurang dengan membelanjakannya. (4) Memperolehi pahala yang berterusan walaupun setelah mati, sama ada dari pengamalannya atau yang menghuraikannya dengan lebih baik untuk disampaikan pula kepada orang lain. (5) Memudahkan generasi kemudian menyambung kerja yang belum diselesaikan oleh orang-orang terdahulu. Kalau ilmu tidak disebar dan ia dikebumikan bersama tuannya, niscaya orang-orang kemudian terpaksa memulakannya dari kosong semula. (6) Namanya akan disebut dengan baik, dan murid-murid pula akan mengenang jasa gurunya. Boleh jadi juga murid-murid bagi seseorang guru akan mengajak orang-orang lain pula untuk turut berguru dengannya. Sebutan yang baik juga merupakan suatu kelebihan. Nabi s.a.w. diangkat darjatnya oleh Allah s.w.t. hari demi hari, namanya pula meniti di setiap bibir manusia. Lihat saja apa yang disebut Allah tentang RasulNya melalui firmanNya ini:

٦٨ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا بَشْرٌ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ عَوْنٍ عَنْ ابْنِ سِيرِينَ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرَةَ عَنْ أَبِيهِ ذَكَرَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَعَدَ عَلَى بَعِيرِهِ وَأَمْسَكَ إِسْطَاقَ بَخْطَامِهِ أَوْ بِزِمَامِهِ قَالَ أَيُّ يَوْمٍ هَذَا فَسَكَنَّا حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ سِوَى اسْمِهِ قَالَ أَلَيْسَ يَوْمَ النَّحْرِ قُلْنَا بَلَى قَالَ فَأَيُّ شَهْرٍ هَذَا فَسَكَنَّا حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ بِغَيْرِ اسْمِهِ فَقَالَ أَلَيْسَ بِذِي الْحِجَّةِ قُلْنَا بَلَى قَالَ فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ بَيْنَكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا فِي شَهْرِكُمْ هَذَا فِي بَلَدِكُمْ هَذَا لِيُبَلِّغَ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ فَإِنَّ الشَّاهِدَ عَسَى أَنْ يُبَلِّغَ مَنْ هُوَ أَوْعَى لَهُ مِنْهُ.

68 - Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Bisyr¹¹⁶ meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu `Aun¹¹⁷ meriwayatkan kepada kami daripada Ibnu

وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ۝

Bermaksud: Dan Kami telah meninggikan bagimu sebutan namamu (dengan mengurniakan pangkat Nabi dan berbagai kemuliaan). (asy-Syarh:4).

Seperti peniaga tidak dapat memastikan sebanyak manakah hasil yang akan diperolehi daripada perniagaannya, begitulah juga seorang guru, ia juga tidak dapat memastikan muridnya yang manakah yang lebih dalam fahamnya dan lebih mengerti akan ilmu yang disampaikan kemudian hari. Yang memberikan ilmu dan rezeki adalah Allah s.w.t., sebagai hambaNya, kita hanya perlu berusaha sahaja, kerana itulah Nabi s.a.w. menggunakan perkataan *أَوْعَى* yang membawa maksud ‘lebih mengerti’ atau ‘lebih kuat dapat menghafal’. Perlulah diingat bahawa alangkah ramainya murid yang lebih terkemuka dan lebih cemerlang dari gurunya dalam sejarah manusia.

`Ubaidullah bin `Amar ar-Raqi menceritakan, katanya: “Pernah kami berada bersama (Imam) al-A`masy (Sulaiman bin Mihran). Abu Hanifah juga ada bersamanya, lalu al-A`masy ditanya tentang suatu masalah. Maka beliau berkata, “Engkaulah jawab wahai Nu`mān (Abu Hanifah)!” Setelah soalan dijawab Abu Hanifah, Imam al-A`masy bertanya, “Dari manakah engkau perolehi jawapannya?” Imam Abu Hanifah menjawab, dari hadits yang tuan riwayatkan kepada kami. Setelah diceritakan haditsnya, teruslah al-A`masy berkata, “Kamulah doktor, kami ini hanyalah ahli farmasi.” Daripada kisah ini dapatlah diketahui betapa benarnya sabda Nabi s.a.w. melalui hadits ke-68 di bawah bab ini. (Lihat adz-Dzahabi – Manāqib al-Imām Abi Hanīfah Wa Shāhibaihi m/s 34-35).

¹¹⁶ Beliau ialah Bisyr bin al-Mufaddhal bin Lāhiq ar-Raqāsyi al-Bashri. Kuniannya ialah Abu Isma`il. Bisyr telah mendengar hadits daripada Muhammad bin al-Munkadir, `Abdullah bin `Aun, Ḥumaid at-Thawīl, Khālid al-Ḥaddzā’ dan lain-lain. Ahmad bin Ḥambal, Ishaq bin Rāhawaih, Ḥumaid bin Mas`adah, `Ali bin al-Madīni dan lain-lain pula adalah antara tokoh yang meriwayatkan hadits daripadanya.

Imam Ahmad berkata tentangnya, “Dia adalah kemuncak dalam ketelitian di Bashrah”. Abu Zur`ah dan Abu Haatim berkata, “Dia perawi tsiqah”. Muhammad bin Sa`ad pula berkata, “Dia perawi tsiqah yang banyak meriwayatkan hadits. Beraliran

Sīrīn daripada `Abdur Rahman bin Abi Bakrah (Nufai` bin al-Ĥārīts)¹¹⁸ daripada ayahnya (Abi Bakrah) bahawa beliau (Abi Bakrah) menyebutkan, sesungguhnya pernah ketika Nabi s.a.w. telah duduk di atas untanya dan ada seseorang yang memegang tali unta itu.¹¹⁹ (Tiba-tiba) Nabi s.a.w. bertanya:

`Utsmani (perawi yang mengutamakan `Utsman daripada `Ali).” Bisyr meninggal dunia pada tahun 186 Hijrah.

¹¹⁷ Beliau ialah `Abdullah bin `Aun bin Arthabān al-Muzani al-Bashri. Kuniahnya ialah Abu `Aun. Arthabān (datuknya) adalah maula (hamba bebasan) `Abdullah bin Mughaffal (sahabat Rasulullah s.a.w.). Ibnu `Aun sempat melihat Anas bin Malik, tetapi tidak tsabit beliau ada mendengar apa-apa daripadanya. Beliau mendengar dan menerima hadits daripada al-Qāsim bin Muhammad, al-Ĥasan al-Bashri, Muhammad bin Sīrīn dan lain-lain. Orang-orang yang meriwayatkan hadits daripadanya pula terdiri daripada tokoh-tokoh seperti Syu`bah, ats-Tsauri, Ibnu al-Mubārak dan lain-lain.

`Abdur Rahman bin Mahdi berkata, “Tidak ada di `Iraq sesiapa pun yang lebih alim tentang Sunnah daripadanya (Ibnu `Aun).” Hisyam bin Ĥassān berkata sambil menunjukkan kepada Ibnu `Aun, “Orang yang kedua matakui tidak pernah melihat sepertinya telah meriwayatkan kepadaku”. Abu Haatim, Ibnu Sa`ad, an-Nasā`i, al-`Ijli dan lain-lain mengatakan beliau tsiqah. Riwayatnya terdapat di dalam ke-enam-enam kitab utama hadits dan kitab-kitab hadits yang lain. Ibnu `Aun meninggal dunia pada tahun 151 Hijrah.

¹¹⁸ ats-Tsaqafi al-Bashri. Kuniahnya ialah Abu `Umar. `Abdur Rahman adalah saudara `Ubaidullah, Muslim dan Warrād. Beliau adalah anak orang-orang Islam yang pertama sekali dilahirkan di Bashrah, iaitu pada tahun ke-14 Hijrah. Selain mendengar hadits daripada ayahnya sendiri (Abu Bakrah), `Abdur Rahman juga mendengar hadits daripada `Ali, `Abdullah bin `Amar, al-Asyāj al-`Ashri dan lain-lain.

Abu Bisyr, Ja`far bin Abi Wahsiyyah, Khālīd al-Ĥaddzā`, `Abdullah bin `Aun dan lain-lain adalah antara orang yang meriwayatkan hadits daripadanya. `Abdur Rahman bin Abi Bakrah adalah salah seorang perawi enam kitab utama hadits. Ibnu Sa`ad, al-`Ijli, Ibnu Hibbaan dan adz-Dzahabi mengatakan `Abdur Rahman perawi tsiqah. Imam an-Nawawi bahkan berkata, `Abdur Rahman adalah perawi yang disepakati para `ulama` Rijāl tentang ketsiqahannya. Beliau meninggal dunia pada tahun 96 Hijrah.

¹¹⁹ Siapakah nama seseorang yang memegang tali unta Nabi s.a.w. ketika baginda bertanya: “Hari apa hari ini?” di dalam hadits di atas? Para `ulama` berbeda pendapat tentangnya:

(1) Ada yang mengatakan ia adalah Bilāl. Alasannya ialah apa yang diriwayatkan oleh an-Nasā`i daripada saluran riwayat Ummul Ĥushain, kata beliau: “Aku mengerjakan haji, aku nampak Bilāl sedang menarik tali unta Nabi s.a.w.”

(2) Ada yang mengatakan ia adalah `Amar bin Khārijah. Alasannya ialah kata-kata beliau sendiri sebagaimana tersebut di dalam Musnad Imam Ahmad, al-Mu`jamu al-

“Hari apa hari ini”? Kami diam¹²⁰ kerana kami ingat Baginda akan menamakan hari itu dengan nama yang lain.¹²¹ Terus Baginda s.a.w. bertanya: “Bukankah hari ini hari Naḥar? Kami menjawab: “Ya”. Nabi s.a.w. bertanya lagi: “Bulan apakah bulan ini”? Kami diam kerana kami ingat Baginda akan menamakannya dengan nama yang lain. Nabi terus bertanya lagi: “Bukankah bulan ini bulan Dzul Hijjah?”¹²² Kami menjawab: “Memang”.¹²³ Nabi s.a.w. lantas bersabda:

Kabīr at-Thabaraani dan as-Sunan al-Kubra al-Baihaqi, bahawa: كُنْتُ أَخْذًا بِرِمَامٍ نَاقَةٍ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (Aku memegang tali unta Nabi s.a.w.). Lalu disebutkan sedikit daripada ucapan baginda. Seseorang yang tersebut secara samar di dalam hadits ini lebih sesuai dikatakan `Amar bin Khārijah berbanding Bilāl. Kerana beliau dengan jelas telah berkata, “Aku memegang tali unta Nabi s.a.w.”

(3) Menurut Hafizh Ibnu Hajar, seseorang yang tersebut secara samar di dalam hadits ke-68 itu adalah Abu Bakrah sendiri. Buktinya ialah tersebut di dalam riwayat al-Isma`ili daripada saluran riwayat Ibnu al-Mubārak daripada Ibnu `Aun. Teksnya ialah:

حَظَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رَاحِلَتِهِ يَوْمَ النَّحْرِ وَأَمْسَكْتُ إِيمًا قَالَ بِخَطَامِهَا وَإِمًا قَالَ بِرِمَامِهَا
Bermaksud: Rasulullah s.a.w. berucap di atas untanya pada Hari Naḥar (hari ke-10 Dzul Ḥijjah), dan aku memegang – sama ada beliau berkata tali untanya atau tali kendalinya - . Daripada hadits ini dapat diketahui bahawa perawi yang syak di dalam hadits ini tentang perkataan خطام atau رِمَام itu bukan Abu Bakrah, tetapi perawi lain di bawahnya. Faedah memegang tali unta ialah supaya unta itu tenang, tidak melompat-lompat. Sehingga meresahkan orang yang mengenderainya. (Lihat Fathul Bārī j.1 m/s 158).

¹²⁰ Berdasarkan riwayat di bawah Kitab al-Ḥajj, ada juga Shahabat menjawab: Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Kalau begitu, terdapat semacam pertentangan di antara riwayat di bawah Kitab al-Ḥajj dan riwayat ini (hadits ke-68). Jawapannya ialah riwayat ini menyatakan sekumpulan sahabat diam. Sementara riwayat di bawah Kitab al-Ḥajj pula menyatakan ada juga sahabat berkata, “Allah dan RasulNya lebih mengetahui”.

¹²¹ Seperti peristiwa Nabi s.a.w. ke Yatsrib lalu menamakannya dengan nama Madinah.

¹²² Cara Nabi s.a.w. menarik perhatian dan tumpuan ialah dengan menanyakan soalan dan menimbulkan tanda tanya, kerana ilmu yang disampaikan tanpa persoalan dan permintaan tidak akan diingati dengan baik, memang sudah naluri manusia apabila merasakan sesuatu perkara itu kurang penting, ia akan segera melupainya. Cara ini juga bersesuaian dengan apa yang kita telah pelajari pada Bab ke-4 dahulu.

¹²³ Hadits Abu Bakrah daripada riwayat Musaddad ini makhrūm (ringkas dan tidak disebut sebahagian daripada kandungannya). Tidak tersebut di dalamnya pertanyaan Nabi s.a.w. tentang negeri atau tanah apakah ini? Mungkin mana-mana perawi di dalam sanad itu terlupa menyebutkannya. Sedangkan di dalam saluran riwayat Ayyub

“Sesungguhnya darah-darah kamu, harta benda dan kehormatan-kehormatan kamu adalah haram kepadamu seperti haramnya hari ini, pada bulan ini, di negeri (Mekah) kamu ini.”¹²⁴ Hendaklah orang yang hadir¹²⁵ menyampaikan

di bawah Kitab al-Adhāhi dan saluran riwayat Qurrah di bawah Kitab al-Ĥajj, mereka berdua juga meriwayatkan daripada Ibnu Sīrīn, pertanyaan itu juga tersebut. Ia tersebut juga di dalam riwayat Ibnu `Umar dan Ibnu `Abbaas. Malah berdasarkan riwayat Muslim dan lain-lain daripada riwayat Ibnu `Aun sendiri ada juga tersebut pertanyaan tentangnya. Bagaimanapun penjelasan Nabi s.a.w. terhadap semua soalan yang dikemukakannya kemudian jelas mengisytiharkan kepada pertanyaan yang tidak tersebut di dalam riwayat ini, iaitu “Sesungguhnya darah-darah kamu, harta benda dan kehormatan-kehormatan kamu adalah haram kepadamu seperti haramnya hari ini, pada bulan ini, di negeri (Mekah) kamu ini”.

¹²⁴ Tasybih (perumpamaan) yang digunakan oleh Nabi s.a.w. di sini adalah “tasybih maqlūb” (perumpamaan terbalik). Ia mengandungi da`waan bahawa apa yang diumpamakan (musyabbah) lebih sempurna daripada segi sifatnya (wajah syabahnya) berbanding sesuatu yang diumpamakan dengannya (musyabbah bihi).

Tahap keharaman yang berlapis-lapis berupa hari Naĥar, bulan Dzul Ĥijjah dan Tanah Haram Mekah itu dikatakan lebih rendah lagi kedudukannya berbanding keharaman darah orang Islam, harta benda dan kehormatannya.

Sesetengah `ulama' pula tidak menganggap tasybih itu sebagai tasybih maqlūb, sebaliknya ia hanya tasybih biasa yang mengekalkan kelebihan wajah syabah pada musyabbah bihi berbanding musyabbah.

Alasannya ialah pada pandangan orang-orang `Arab, khususnya orang-orang kafir Mekah, Hari Naĥar, Bulan Ĥaram dan tanah Ĥaram memang terhormat di sisi mereka. Mereka sangat menjaga diri daripada menceroobohinya.

Berbeza keadaannya dengan darah, harta benda dan kehormatan manusia, mereka dengan mudah saja membunuh orang yang tidak bersalah, dengan mudah saja merampas harta orang lain, dan dengan mudah saja mencabuli kehormatannya. Kerana itulah Nabi s.a.w. mengumpamakan keharaman penumpahan darah, perampasan harta benda dan pencabulan kehormatan sesama muslim dengan keharaman Hari Naĥar, bulan Dzul Ĥijjah dan Tanah Ĥaram Mekah, dengan mengambil kira apa yang telah tersemat di dalam jiwa mereka.

Tujuan disebutkan begini ialah supaya persaudaraan sesama Islam itu terjalin dengan kukuh dan mendalam sehingga tidak terfikir dan terlintas lagi di hati apa-apa perbuatan jahat terhadap saudara seagama. Peringatan ini pula disebut pada ketika berihram, supaya ia dapat terus dibawa sehingga kepada keadaan biasa yang tidak berihram, di hari yang tidak haram, di bulan dan tanah yang juga tidak haram.

Harta benda juga termasuk dalam perkara yang diharamkan manusia menceroobohinya. kewujudan sistem syari`ah bertujuan untuk menjaga urusan manusia bermula dari cara meminjam, berhutang, berjual-beli sehingga kepada urusan-urusan yang lain. Maruah dan kehormatan juga haram diceroobohi, ia diceroobohi dengan tuduhan, ejekan, perli,

kepada orang yang tidak hadir, kerana ia (orang yang hadir ini) diharapkan akan menyampaikannya kepada orang yang lebih mengerti¹²⁶ daripadanya tentang apa yang disampaikan itu.”¹²⁷

fitnah, menjatuhkan maruah, memalukan dan lain-lain, dari sebesar-besar sehingga sekecil-kecilnya.

Apabila dosa melakukan perkara haram ini dikatakan lebih besar berbanding beberapa lapisan perkara haram yang lain, menunjukkan ia adalah dosa besar, walaupun tiada darah yang ditumpahkan dan tiada harta yang dirampas.

Para ‘ulama’ mengatakan, hukuman had kerana pembunuhan dan pencurian ada disebutkan di dalam nas, tetapi hukuman kerana pencerobohan kehormatan pula tidak ada, ini menunjukkan keharusan mengadakan hukuman ta’zir untuknya, kerana tiada beza dosanya dengan dua perkara yang tersebut sebelumnya. Inilah sebenarnya asas bagi keharusan membuat saman malu kerana kehormatan dicabuli yang menyebabkan jatuhnya nama baik dan reputasi seseorang, bagaimanapun hukuman ta’zir bergantung sepenuhnya kepada pertimbangan dan kebijaksanaan hakim atau pihak penguasa.

¹²⁵ Peristiwa ini berlaku pada Haji Wada` iaitu pada tahun ke-10 Hijrah, tidak sampai 100 hari sebelum tibanya hari kewafatan Baginda s.a.w., lebih kurang 80 hari sahaja.

¹²⁶ Ilmu hadits berbeza daripada ilmu-ilmu lain yang juga perlu dijaga, kerana hadits sebenarnya datang dari Allah s.w.t. melalui seorang Nabi, sabagai panduan buat manusia supaya mereka selamat di dunia dan di akhirat, maka penjagaannya perlulah dilakukan dengan lebih rapi dan cermat. Banyak hadits-hadits yang agak sukar difahami jika anda hanya menggunakan neraca fikiran orang-orang dahulu, tetapi disebabkan ia sahih, umat Islam terus-menerus menyampaikannya generasi demi generasi, walaupun mereka tidak memahaminya seratus peratus. Contohnya ialah hadits:

لَا عَذْوَى وَلَا طَيْرَةَ وَلَا هَامَةَ وَلَا صَفَرَ وَفَرٍّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَقَرُّ مِنَ الْأَسَدِ

Bermaksud: Tidak ada penularan penyakit (dengan sendirinya tanpa izin Allah), tidak ada kepercayaan sial kerana sesuatu, tidak ada kepercayaan mayat yang bergentayangan, tidak ada kepercayaan adanya sial pada bulan Shafar, tetapi larilah engkau daripada orang yang kena penyakit kusta seperti engkau lari daripada singa. (Hadits riwayat al-Bukhari dan Ahmad).

Setelah ilmu perubatan dan sains menjadi semakin maju, hadits ini lebih difahami dari sebelumnya, perintah Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini membawa maksud mesti melarikan diri atau menjaga diri daripada penyakit berjangkit atau mana-mana penyakit yang berbahaya.

Melarikan diri pula tidaklah bermakna melarikan diri sepanjang masa, ia mungkin terhasil dengan hanya berada pada jarak tertentu sahaja daripada orang yang terkena serangan penyakit. Perintah melarikan diri itu mengisyaratkan kepada adanya virus atau kuman yang boleh berjangkit kepada orang yang sihat. Berdasarkan kajian seorang profesor Jerman, virus penyakit kusta itu kelihatan seperti singa apabila dilihat melalui mikroskop.

¹²⁷ Tidak boleh juga terlalu percayakan akal sehingga merasakan semua hadits yang disampaikan daripada Nabi s.a.w. itu semestinya dapat difahami terus menggunakan akal semata-mata, kerana hikmat sesuatu perkara yang tersebut di dalam hadits tidak difahami pada sesuatu zaman ialah kerana belum tiba masanya Allah mendedahkan rahsianya kepada manusia. Apabila sampai masanya sesuai dengan hikmat dan kehendak Allah, akan terbukalah pintu rahsia bagi hadits yang tidak difahami itu.

Golongan Mu'tazilah menolak hadits yang bercanggah dengan akal seperti hadits Isra' Mi'raj, hadits Nabi s.a.w. dibelah dada dan lain-lain. Ahli Sunnah pula menerima hadits-hadits itu kerana kesahihannya dan terus menyampaikannya kepada generasi kemudian yang lebih memahaminya.

Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hakam yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah: (1) Orang alim (orang yang berpengetahuan) berkewajipan menyampaikan ilmu kepada yang belum tahu dan berkewajipan menjelaskannya kepada yang belum mengerti. Itulah perjanjian yang telah termeterai di antara Allah dan alim `ulama' di kalangan hamba-hambaNya. Allah berfirman:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari orang-orang yang telah diberikan Kitab (iaitu): “Demi sesungguhnya! Hendaklah kamu menerangkan isi Kitab itu kepada umat manusia, dan jangan sekali-kali kamu menyembunyikannya,...” (Aali `Imraan:187). (2) Di kemudian hari nanti (selepas zaman sahabat) akan ada orang yang lebih mengerti tentang sesetengah ilmu yang ditinggalkan oleh Nabi s.a.w. berbanding sahabat sendiri, walaupun bilangan mereka di setiap zaman tidaklah ramai. Hal ini dapat difahami daripada perkataan رَبِّ yang digunakan oleh baginda yang bererti “adakalanya” atau “boleh jadi”. (3) Keharusan menerima hadits Rasulullah s.a.w. daripada pembawa-pembawanya (perawi-perawinya), walaupun mereka langsung tidak memahami maksudnya dan tidak mengetahui pengajaran yang tersirat di dalamnya. (4) Antara kewajipan orang alim ialah menjelaskan apa yang diharamkan oleh Allah dan menekankan serta menegaskan tentang keharamannya seberapa daya yang boleh. (5) Keharusan duduk di atas belakang binatang sebagai kenderaan jika diperlukan. (6) Keelokan berucap di hadapan orang ramai dalam keadaan berada di tempat yang agak tinggi, supaya semua mereka dapat menyaksikannya. (7) Nyawa (darah), harta benda dan kehormatan orang-orang Islam haram dicerobohi. Di sudut keharaman, semuanya sama sahaja. (8) Keharusan membuat perumpamaan dan perbandingan di antara sesuatu dengan sesuatu yang lain supaya lebih jelas hukumnya. (9) Hadits perlu disampaikan kepada orang lain walaupun orang itu tidak memahaminya dengan mendalam, kerana ia tetap memberi faedah kepadanya dan kepada generasi kemudian. (10) Orang-orang kemudian walaupun tidak ramai, tetapi dengan kajian yang mendalam mampu mengeluarkan khazanah ilmu Islam yang tersimpan di dalam hadits-hadits. (11) Adanya hadits larangan menyebarkan hadits palsu menyebabkan penyebaran hadits sahih dilakukan secara ikhlas dan telus, walaupun tidak difahami apa maksud sebenarnya, kerana itulah masyarakat Islam menjadi masyarakat berilmu yang

bertanggungjawab dan bertamaddun. (12) Semiskin-miskin negara sekalipun akan mampu melahirkan alim 'ulama' jika masyarakatnya mempunyai kesedaran tentang kepentingan ilmu dan kepentingan tersebarnya ilmu tentang agama Islam kepada semua orang.